



PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KELIMA
Fifth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 11675]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1979) [Ruangan 11698]

Jawatankuasa:

Jadual—

Maksud B. 5 dan B. 8 [Ruangan 11728]

Maksud B. 22 [Ruangan 11733]

Maksud B. 24 [Ruangan 11736]

Maksud B. 25 [Ruangan 11745]

USUL:

Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3), 1979 [Ruangan 11698]

Jawatankuasa:

Maksud P. 24 [Ruangan 11736]

Maksud P. 25 [Ruangan 11745]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan yang di-Pertua, TAN SRI DATO' (DR.) SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan, DATO' HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).
- ” Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.S., S.S.A.P., (Kubang Pasu).
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).
- ” Menteri Undang-undang, DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).
- ” Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).
- ” Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- ” Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TAN SRI DATO HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K., S.S.I.J. (Tenggaroh).
- ” Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- ” Menteri Pertahanan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- ” Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGGU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJI BIN TENGGU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).
- ” Menteri Pelajaran, DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).
- ” Menteri Kewangan, Y.M. TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).
- ” Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Jelebu).
- ” Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- ” Menteri Pertanian, DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- ” Menteri Penerangan, DATO MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulau).
- ” Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).
- ” Menteri Perusahaan Utama, DATO PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- ” Menteri Perusahaan Awam, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu).

- Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN LEO MOGGIE ANAK IROK (Kanowit).
- ” Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).
- ” Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO S. SAMY VELLU, D.P.M.J., A.M.N., S.M.S., P.C.M. (Sungei Siput).
- ” Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO' MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- ” Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K. J.P. (Bentong).
- ” Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.L.D. (Tampin).
- ” Timbalan Menteri Kesihatan, DR. SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- ” Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- ” Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- ” Timbalan Menteri Pengangkutan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- ” Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- ” Timbalan Menteri Kewangan, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- ” Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- ” Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- ” Timbalan MENTERI PENERANGAN, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- ” Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.B. (Besut).
- ” Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- ” Timbalan Menteri Undang-undang, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- ” Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerlun-Langkawi).
- ” Timbalan Menteri Kewangan, TUAN MAK HON KAM, J.M.N., A.M.P. (Tanjong Malim).
- ” Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).
- ” Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, K.M.N. (Kuala Krai).
- ” Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN CLARENCE E. MANSUL (Penampang).
- ” Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO’ ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO’ HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).
- ” Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD (Johor Bahru).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N. (Kepala Batas).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S. P.I.S. (Kuala Selangor).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, A.M.P., A.M.N., (Parit Buntar).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, P.J.K. (Alor Gajah).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN (Gaya).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM *alias* YAHYA BIN AHMAD (Machang).
- ” TUAN ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABBAH (Bandau).
- ” TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- ” TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- ” TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- ” TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- ” DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA’KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- ” TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ (Tanjung Karang).
- ” DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- ” TUAN ALIAS BIN MOHD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- ” TUAN A.K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR (Kimanis).
- ” TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P. (Labuk Sugut).
- ” DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- ” TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- ” TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- ” TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- ” TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- ” TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- ” TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- ” DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- ” DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- ” TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- ” TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- ” PUAN CHOW POH KHENG, S.M.S. (Ulu Langat).
- ” TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- ” TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).

Yang Berhormat TUAN V. DAVID (Damansara).

- ” DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- ” DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- ” TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- ” DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K. (Ulu Padas).
- ” TUAN HASHIM BIN ENDUT (Ulu Muda).
- ” TUAN HASHIM BIN GHAZALI, A.M.N. (Matang).
- ” TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- ” DR HEE TIEN LAI, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Ayer Hitam).
- ” TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- ” TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- ” TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- ” TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- ” TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- ” TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- ” TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- ” TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- ” TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- ” TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- ” TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- ” DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- ” TUAN LEE KAW (Kluang).
- ” TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- ” TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- ” TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- ” TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K. (Padang Serai).
- ” TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- ” TUAN LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, J.B.S. (Kapit).
- ” TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI (Gerik).
- ” TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- ” TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- ” TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- ” TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, D.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- ” TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, A.M.P. (Parit).
- ” TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- ” TUAN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- ” TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- ” TUAN MUHYDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S. (Pagoh).
- ” TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- ” TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- ” DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.D., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).

- Yang Berhormat DATUK JAMES PETER ONGKILI D.I.M.P. (Tuaran).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Menglembu).
- „ TUAN RACHA UMONG. P.B.S. (Bukit Mas).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K. J.P. (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MOHD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ PUAN SHARIFAH DORAH BINTI MOHAMMED (Semerah).
- „ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, A.M.N., S.M.S. (Sepang).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K. (Arau).
- „ TUAN RAYMOND SZE TU MEI THONG (Lambir).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- „ DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- „ TENGGU NOOR ASIAH BINTI TENGGU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMED (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DR WONG SOON KAI, P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI P.I.S. B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Permatang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P.B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Jumaat, 7hb Disember, 1979

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang.

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali.

Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang pertama.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini sekarang ialah atas nama Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa.

PEJABAT POS DI PENANTI

1. **Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada beliau sedar bahawa di kawasan Penanti, Seberang Perai tidak ada satu pun Pejabat Pos untuk kemudahan penduduk di situ dan bilakah Kerajaan bercadang mendirikan sebuah Pejabat Pos di sana.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar pada masa sekarang tidak terdapat Pejabat Pos di kawasan Penanti Seberang Perai. Walau bagaimanapun, untuk memberi kemudahan kepada penduduk di kawasan berkenaan sebuah Wakil Pos telah pun ditubuhkan pada bulan Jun 1972 dan sebagai tambahan, Perkhidmatan Pejabat Pos Bergerak diadakan sebanyak tiga kali seminggu.

Memandangkan penduduk di kawasan Pekan Penanti hanya lebih kurang 400 orang maka Jabatan Pos belum bercadang untuk mengadakan sebuah Pejabat Pos. Walau bagaimanapun Jabatan Pos ada rancangan

untuk membina Pejabat Pos di Kubang Semang yang mempunyai penduduk lebih kurang 4,000 orang. Projek ini dijangka akan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ke-4.

Dengan pembinaan Pejabat Pos di Kubang Semang yang jaraknya lebih kurang satu batu dari Pekan Penanti itu nanti maka ia akan dapat memberi perkhidmatan juga kepada penduduk di kawasan Pekan Penanti.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad.

Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini juga ialah atas nama Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa.

REJIM POL POT—PENDIRIAN
MALAYSIA

2. **Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Luar Negeri menyatakan pendirian Kerajaan terhadap pendapat Bekas Perdana Menteri Malaysia dan sekarang menjadi President PERKIM yang mengeritik dasar luar Kerajaan yang menyokong rejim Pol Pot yang bukan sahaja komunis tetapi juga kejam dan zalim terhadap rakyat Kampuchea terutama yang beragama Islam.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Mokhtar bin Haji Hashim): Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat telah menimbulkan soal pendirian Kerajaan Malaysia menyokong rejim Pol Pot seperti yang telah juga ditimbulkan oleh Yang Teramat Mulia bekas Perdana Menteri Malaysia.

Sokongan atau apa yang dianggapkan sebagai sokongan ini wujudnya daripada pendirian Malaysia mengiktiraf rejim Pol Pot. Saya ingin menegaskan bahawa pengiktirafan dan sokongan adalah dua soal yang berasingan.

Malaysia telah mula mengiktirafkan Kerajaan Pol Pot dalam tahun 1974 sehingga sekarang. Pengiktirafan kita ini tidak pernah dipersoalkan seperti sekarang ini pada bila-bila masa sekali pun sehingga wujudnya persengketaan di Kampuchea di antara rejim Pol Pot dengan rejim Heng Samrin sekarang. Kebelakangan ini pengiktirafan Malaysia terhadap rejim Pol Pot dipersoalkan selepas timbulnya rejim Heng Samrin sungguhpun alasan-alasan yang digunakan untuk mempersoalkan pengiktirafan ini adalah perkara-perkara yang dilakukan oleh pemerintahan rejim Pol Pot di Kampuchea sebelum adanya rejim Heng Samrin. Alasan-alasan yang digunakan untuk mempersoalkan pengiktirafan ini adalah kekejaman dan kezaliman pemerintahan rejim Pol Pot terhadap rakyat Kampuchea termasuk yang beragama Islam. Kerajaan sendiri memang tidak memersetujui apatah lagi menyokongnya malah kita telah mengecam kekejaman dan tanduk tidak berperikemanusiaan pemerintahan rejim Pol Pot. Oleh itu soal sama ada kita menarik balik atau tidak pengiktirafan rejim Pol Pot atas alasan-alasan yang sama iaitu kekejaman patut dibuat apabila ianya dilakukan iaitu sebelum timbulnya rejim Heng Samrin. Walau bagaimanapun pengiktirafan kita terhadap rejim Pol Pot itu berterusan apabila wujudnya rejim Heng Samrin sehinggalah pada hari ini dengan keadaan yang kita sedia maklum. Sekarang terdapat dua rejim yang bertentangan; rejim Pol Pot yang kejam dan cara status quo, tersedia diiktiraf, dan rejim Heng Samrin yang timbul melalui campurtangan dan melalui kuasa tentera asing. Dalam keadaan ini, kita bukan hanya menghadapi semata-mata soal pengiktirafan atau tidaknya tetapi kita menghadapi satu soal yang lebih besar iaitu mencari jalan yang boleh membawa kepada penyelesaian menyeluruh, yang kekal serta yang boleh menjamin kestabilan di Kampuchea khususnya dan di rantau ini amnya.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana difahamkan bahawa Kerajaan Pol Pot sekarang ini tidak wujud lagi, Kerajaan Great Britain semalam telah menarik pengiktirafannya kepada Kerajaan Pol Pot. Adakah Kerajaan Malaysia akan memikirkan hendak tarik balik pengiktirafan kepada Kerajaan Pol Pot.

Dato' Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, tindakan untuk menarik balik sesuatu pengiktirafan itu ialah pilihan bebas bagi mana-mana Kerajaan untuk ber-

buat sedemikian berasaskan kepada penilaian mereka masing-masing mengenai pertikaian di Kampuchea. Keputusan yang telah diambil oleh Kerajaan British untuk menarik balik pengiktirafannya terhadap Demokratik Kampuchea adalah hak istimewa (prerogative) Kerajaan British. Masalah mengenai pengiktirafan Demokratik Kampuchea seperti yang saya sebutkan tadi hendaklah dikaji dalam konteks masalah di Kampuchea pada keseluruhannya. Malaysia telah mengiktiraf Kerajaan Demokratik Kampuchea kerana ia adalah Kerajaan yang sah di Kampuchea. Apabila keadaan di situ diganggu oleh campurtangan tentera dari luar kita telah mengiktiraf Demokratik Kampuchea kerana jika kita berbuat sebaliknya, ini akan bermakna yang kita menyetujui hasil ataupun kesan dari campurtangan tentera yang asing itu.

Patutlah ditekankan bahawa pengiktirafan Demokratik Kampuchea tidak bermakna kita memberi sokongan kepada dasar-dasar Kerajaan Pol Pot seperti yang diketahui dan saya mengulangi telah sungguh-sungguh dikecam oleh masyarakat antarabangsa termasuk kita juga. Apa yang penting pada pandangan kita ialah dipertingkatkan lagi usaha-usaha penyelesaian secara aman untuk menghadapi pertikaian di Kampuchea itu dengan cara penyelesaian politik dalam konteks ketetapan bangsa-bangsa bersatu baharu-baharu ini mengenai Kampuchea yang telah dipersetujui dengan kelebihan undi yang amat besar. Penyelesaian politik sebegitu yang berasaskan penarikan keluar tentera-tentera asing tidak campur tangan oleh kuasa-kuasa asing di dalam hal ehwal Kampuchea, penentuan masa depan sendiri oleh penduduk-penduduk Kampuchea, adalah pada pandangan kita cara yang amat berkesan sekali untuk menentukan keamanan dan kesetabilan yang berkekalan di Asia Tenggara dan kemerdekaan serta kebebasan semua negara di rantau ini. Bebas dari campur tangan dan penindasan oleh kuasa-kuasa asing. Kita percaya bahawa adalah untuk kepentingan semua negara di rantau ini supaya berusaha mencapai suatu penyelesaian politik di Kampuchea.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah kekejaman yang berlaku di sesebuah negara terhadap rakyatnya maka negara kita yang ada hubungan dengannya itu mesti kita memutuskan hubungan.

Dato' Mokhtar bin Haji Hashim: Tidak semestinya kerana ada beberapa perkara yang lain yang perlu kita pertimbangkan selain daripada kekejaman sungguhpun ini tidak bermakna bahawa kita merestui ataupun menyetujui tindakan kekejaman yang dilakukan oleh mana-mana pemerintah itu.

Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat: Soalan tambahan. Adakah kecaman yang dibuat oleh Kerajaan kita terhadap Rejim Pol Pot yang kejam sebagaimana yang terkandung dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi disampaikan kepada Duta Amerika sendiri misalnya ataupun hanya melalui surat khabar.

Dato' Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, apabila kita membuat perhatian dan teguran terhadap kekejaman yang dimaksudkan tadi segala saluran yang pernah digunakan sama ada di peringkat perjumpaan antarabangsa ataupun pandangan kita di segi persidangan-persidangan juga adalah dikemukakan dan melalui ini secara rasmi amalan biasa sampai kepada Kerajaan yang berkenaan itu.

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri telah menyatakan bahawa kita masih terus mengiktiraf Kerajaan Demokratik Kampuchea. Walaupun Kerajaan itu sudah tidak ada lagi, telah digantikan oleh Rejim Heng Samrin, saya ingin bertanya kepada beliau adakah cara pengiktirafan itu iaitu mengiktiraf sebuah Kerajaan yang tidak ada negaranya lagi ataupun tidak berkuasa lagi sama seperti pengiktirafan yang dibuat oleh kita terhadap Gerakan Pembebasan Palestine.

Dato' Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, perbandingan itu adalah dua perkara yang agak berasingan, kerana keadaan dalam kedua-dua negara ini yang membawa kepada sebarang keputusan kita adalah agak berlain. Berbalik kepada soalan asal iaitu pengiktirafan tentang Rejim Pol Pot, seperti yang saya sebutkan tadi pengiktirafan ini adalah kerana ini adalah suatu keadaan status quo yang tersedia ada apabila berlakunya beberapa perkembangan yang baharu sedangkan pengiktirafan ataupun sebarang perhubungan dan pengiktira-

fan terhadap Kerajaan pemerintahan PLO sekarang ini adalah suatu pengiktirafan yang memangnya difikirkan wajar dan patut bagi pihak kita.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr Hee Tien Lai.

Tuan Sibat Miyut anak Tagong: Tuan Yang di-Pertua soalan No. 3.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini sekarang atas nama Ahli Yang Berhormat dari Ulu Rajang.

JALAN DUA HALA ANTARA JOHOR BAHRU/SEREMBAN

3. Tuan Sibat Miyut anak Tagong (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan bilakah kerja pembinaan jalan dua hala di antara Johor Bahru dan Seremban akan dimulakan; bila ianya dijangka disiapkan dan berapakah perbelanjaan projek ini.

Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, kerja-kerja pembinaan jalan dua hala di antara Johor Bahru dan Seremban adalah termasuk dalam projek lebuh raya antara bandar-bandar dan ianya dijangka akan dimulakan pada pertengahan tahun 1982 dan siap pada akhir tahun 1984 dengan harga yang dijangka berjumlah sebanyak \$780 juta.

Tuan Yusof bin Malim Kuning: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan Lebuh raya Johor Bahru dan Seremban ini, saya difahamkan pada awalnya akan melalui Segamat. Kemudian ada perubahan akan melalui Muar. Jadi saya ingin mendapat penjelasan bagaimana keadaan yang sebenarnya.

Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, lebuh raya baharu ini akan diadakan melalui alignment yang baharu yang tidak kebetulan dengan jalan-jalan yang sedia pada hari ini. Sebenarnya di antara Segamat dengan Muar, Jalan ini di antara kedua-dua bandar yang tersebut iaitu di pertengahan di antara Segamat dengan Muar.

Tuan Chan Teck Chan: Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini projek pembinaan lebuh raya ini adakah negeri Melaka dimasukkan di dalam projek pembinaan lebuh raya ini?

Tuan Yang di-Pertua: Antara Segamat dengan Muar tidaklah termasuk Melaka.

Tuan Chan Teck Chan: Adakah ini akan ditinggalkan?

Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, memanglah sebahagian dari negeri Melaka akan dilalui oleh jalan ini. Sukacita saya memberi secara ringkasnya bandar-bandar yang akan terlibat ataupun yang akan dilalui secara dekat oleh alignment yang baru ini. Sungguhpun tidak melalui bandar tetapi ditepi bandar-bandar ini. Bandar-bandar itu adalah seperti berikut:

Jalan daripada Seremban ialah bandar Senawang, Sungai Gadut, Pedas, Rembau, Kendung dan Tampin di sebelah barat; Alor Gajah dan Durian Tunggal di sebelah Timur; Jasin, Pangkok, Bukit Gambir, Pagoh, dan Yong Peng di sebelah barat dan di Panchor sebuah jambatan sepanjang 200 meter akan diadakan untuk melalui Sungai Muar. Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yusof bin Malim Kuning: Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menerangkan ada perubahan daripada rancangan yang awal, jadi saya ingin tahu, adakah telah diluluskan atau sudah mendapat persetujuan daripada Kerajaan Negeri?

Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, kajian secara mendalam sedang diuruskan dan kajian ini akan tamat pada akhir tahun 1979 di antara Seremban dengan Air Hitam dan di antara Air Hitam dengan Tampoi akan tamat pada tahun 1980. Selagi kajian secara mendalam ini tidak dapat disiapkan, maka tidaklah dapat kita menentukan manakah tanah-tanah yang terlibat dan mungkin tidak dapat dibuat satu permohonan kepada pihak Kerajaan Negeri.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Oo Gin Sun.

Tuan Thomas Salang Siden: Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 4.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini di atas nama Ahli Yang Berhormat dari Julau.

RASUAH BAGI PEGAWAI-PEGAWAI RISDA

4. Tuan Thomas Salang Siden (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah baru-baru ini telah dilaporkan kepada surat-surat khabar bahawa telah berlaku penyelewengan berkenaan rancangan bantuan di bawah Lembaga Kemajuan Perusahaan Pekebun-pekebun Getah Kecil (RISDA): apakah kemudahan kes-kes yang diserahkan kepada Biro Siasatan Negara untuk disiasat.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tan Sri Dato' Haji Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan ini adalah sama dengan jawapan kepada soalan Yang Berhormat Tuan Peter Paul Dason yang diberikan pada 18hb Oktober, 1979 secara bertulis, kerana pada tarikh tersebut tidak ada jawapan mulut kerana ucapan Belanjawan. Saya jawabkan di sini.

Bilangan kes-kes rasuah yang melibatkan Pegawai-pegawai RISDA yang dirujukkan kepada Biro Siasatan Negara untuk siasatan berjumlah 61 orang. Kes-kes tersebut dikemukakan secara berperingkat: peringkat pertama seramai 19 orang, kedua seramai 17 orang dan ketiga pada bulan Jun yang lalu, seramai 25 orang. Seramai 19 orang daripada jumlah 61 orang yang terlibat ini telahpun dibawa ke mahkamah, di mana 4 orang telah didapati bersalah dan dihukum dan seorang dilepaskan kerana tidak bersalah. Bakinya seramai 14 orang, masih dalam tindakan mahkamah belum selesai dibicarakan. Penyelidikan dan penyiasatan sedang dibuat atas baki 42 orang.

Tuan Lee Kaw: Saya ingin mendapat tahu dari Menteri yang berkenaan adakah beliau sedar sehingga hari ini di daerah Kluang beberapa ratus fail ada ditahan dalam "Strong Room" di RISDA Batu Pahat oleh kerana siasatan. Ini sudah mengambil masa 3 tahun tetapi tidak ada apa-apa keputusan dan pekebun-pekebun kecil ini sehingga hari ini tidak dapat, saya minta izin, reolanting grant dan bolehkah Menteri berkenaan terangkan perkara ini.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, penyiasatan kes ini berlaku semasa saya menjadi Peguam Negara dahulu. Sekarang saya adalah Menteri

yang bertanggungjawab dalam RISDA, saya telahpun mengarahkan BSN supaya menyegerakan segala siasatan supaya kelambatan kepada pekebun-pekebun kecil tidak akan berlaku sebagaimana Yang Berhormat cakapkan tadi. Arahan telah dikeluarkan supaya disegerakan.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed:

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri adakah beliau sedar bahawa tindakan Kerajaan terhadap pegawai RISDA yang menyeleweng itu menggambarkan ketegasan Kerajaan yang benar-benar berhasrat menghapuskan rasuah, tidaklah bercakap kosong yang melaung-laung di dalam Dewan ini. Jika sedar, apakah Kementerian ini ada menerima surat sokongan atau surat tahniah daripada parti-parti Pembangkang terutama DAP di atas tindakan Kementerian ini?

Tuan Yang di-Pertua: Soalan bahagian kedua itu kalau tidak ada, tidak payah dijawab. Yang bahagian pertama sahaja kalau hendak dijawab (*Ketawa*).

Tan Sri Dato Haji Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, pihak Peguam Negara atau BSN menjalankan siasatan bukan nanti desakan dari mana-mana pihak. Misalnya, seperti RISDA ini menjalankan siasatan bukanlah oleh kerana desakan dari pihak parti Pembangkang. Kalau kita dengar atau dapat report berkenaan dengan ada tuduhan rasuah walau Kementerian mana pun, pejabat mana pun, kita akan jalankan. Tetapi kalau ada Ahli Yang Berhormat sama ada dari Pembangkang atau bukan Pembangkang memberi maklumat, kita akan jalankan dengan syarat setiap orang itu mestilah merepotnya kepada Polis, bukan melaung sahaja dalam Parlimen, kerana kalau direport kepada Polis, bila kita siasat didapati report itu bohong, maka orang itu boleh pula ditangkap dan dituduh di mahkamah. Jangan berlindung di bawah Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua: Di Dewan Rakyat ini pun boleh juga, Jawatankuasa Privilege boleh ambil tindakan ke atas Ahli Yang Berhormat yang tidak bertanggungjawab.

Tan Sri Dato Haji Abdul Kadir bin Yusof: Lagi bagus.

Tuan Chan Teck Chan: Bolehkah Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah memberitahu Dewan ini seain daripada pihak berkenaan merujuk kes-kes penyelewengan kepada BSN, apakah langkah-langkah yang lebih positif telah diambil oleh Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah untuk mencegah berlakunya penyelewengan di dalam RISDA?

Tan Sri Dato Haji Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini telah saya jawab dahulu, barangkali Yang Berhormat itu lupa iaitu semenjak 3 tahun yang lepas cara baru berkenaan dengan siasatan tanaman semula dan cara-cara baru bagaimana seorang itu boleh dapat bantuan telah dijalankan untuk mengelakkan berlakunya perkara yang seperti ini.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan jawapan Yang Berhormat Menteri mengenai kedudukan pegawai-pegawai RISDA yang terlibat dengan rasuah seramai 61 orang, ini menunjukkan betapa seriusnya perkara itu berlaku dalam sebuah agensi Kerajaan. Oleh yang demikian, adakah Yang Berhormat Menteri bercadang hendak menyusun semula struktur kedudukan pegawai-pegawai di dalam RISDA ini?

Tan Sri Dato Haji Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, kes ini berlaku di dalam tempoh masa 4-5 tahun. Sebagaimana kita sedar bahawa pegawai RISDA ada lebih kurang 2,000 lebih. Perkara ini telah kita siasat, kalau 61 orang dalam 3 tahun adalah sedikit sebab yang lain-lain pun begitu juga, yang kita tidak tahu berapa orang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat . .

Tan Sri Dato Haji Abdul Kadir bin Yusof: Penyusunan semula telah dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua: Ada lagi ekornya (*Ketawa*).

ELEKTRIK DI KOTA KINABALU/ SANDAKAN—GANGGUAN

5. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada beliau sedar tentang kerapnya gangguan bekalan elektrik di Kota Kinabalu dan Sandakan yang telah mendatangkan kesan

yang sangat buruk kepada perniagaan dan kilang-kilang yang juga mengakibatkan kerugian dan kesulitan kepada suri rumah, jika ya, apakah sebabnya berlaku gangguan bekalan letrik ini dan apakah langkah yang diambil untuk mengelak berlakunya gangguan seperti ini di masa hadapan.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar tentang gangguan bekalan elektrik yang sering dialami oleh pengguna-pengguna di Kota Kinabalu dan Sandakan. Kebanyakan gangguan-gangguan ini berlaku disebabkan oleh pelantikan bekalan, kerosakan kabel dan pemotongan untuk sementara waktu.

Pelantikan bekalan (tripping of feeders) ini berlaku disebabkan oleh faktor-faktor berikut:

- (i) Talian-talian atas ditimpa oleh pokok-pokok atau dahan-dahan. Ini sering berlaku apabila hujan lebat atau ribut.
- (ii) Keluang-keluang yang terbang berdekatan atau terlanggar talian atas boleh juga menyebabkan "short circuit". Ini kerap berlaku terutama pada musim buah-buahan. Selain dari itu tikus dan tupai boleh juga menyebabkan "short circuit" iaitu bila ia berjalan di atas kabel talian atas.
- (iii) Kerosakan kabel bawah tanah juga boleh berlaku apabila berlaku tanah runtuh, banjir dan sebagainya.

Pihak Lembaga Letrik Sabah sedang berusaha mengatasi masalah ini untuk mengurangkan berlaku gangguan letrik dengan cara-cara seperti berikut:

- (i) Memotong dahan-dahan atau pokok-pokok yang berdekatan dengan talian atas dengan tujuan untuk mengurangkan kejadian dahan-dahan atau pokok-pokok menimpa talian atas ini.
- (ii) Pihak Lembaga Letrik Sabah telah mengambil tindakan meninggikan kemahiran kakitangan terutama kakitangan teknikal supaya mereka boleh membuat kerja dengan pantas dan cekap.

Suka juga dimaklumkan kepada Yang Berhormat, bekalan elektrik di Kota Kinabalu dan Sandakan sekarang telah bertambah baik. Walau bagaimanapun, Lembaga Letrik

Sabah sedang merancang untuk menambahkan lagi keupayaan bekalan elektrik dan menyalurkan kepada penduduk-penduduk bukan sahaja bagi Kota Kinabalu dan Sandakan bahkan ke seluruh negeri.

Di bawah Kajian Separuh Penggal peruntukan bagi bekalan elektrik telah ditambah dari \$125.7 juta kepada \$336.2 juta termasuk perbelanjaan untuk membiayai projek hidro Tenom-Pangi.

ELAUN KEPADA PENERUSI/ SETIAUSAHA JAWATANKUASA KEMAJUAN DAN KESELAMATAN KAMPUNG

6. Tuan Shaari bin Jusoh minta Perdana Menteri menyatakan adakah Jabatan beliau sedar bahawa ada Pengerusi-pengerusi dan Setiausaha-setiausaha Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung di setengah negeri yang tidak menerima sebarang elaun kerana kekurangan wang di Negeri-negeri ini. Jika ya, apakah tindakan Kementerian akan ambil ke atas perkara ini.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Shahrir bin Abdul Samad): Tuan Yang di-Pertua, pada umumnya, bayaran elaun adalah diberi kepada Pengerusi dan Setiausaha-setiausaha Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung. Tetapi, kadar serta cara pembayaran elaun ini adalah berbeza-beza di antara negeri-negeri kerana urusan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung ini adalah di bawah pentadbiran setiap Kerajaan Negeri berkenaan. Pembayaran elaun juga adalah bergantung kepada keupayaan sesebuah negeri itu.

Umpamanya di negeri Perlis Pengerusi-pengerusi dan Setiausaha-setiausaha Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung di Perlis, dibayar elaun untuk jamuan, elaun untuk berkursus dan lawatan sambil belajar, serta elaun-elaun menghadiri mesyuarat di peringkat negeri.

Peranan Kerajaan Pusat pada masa ini ialah untuk meneliti dari masa ke semasa berkaitan dengan kemajuan dan aktiviti-aktiviti Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung di setiap negeri supaya ianya benar-benar memberi faedah kepada rakyat dalam konteks pembangunan negara keseluruhannya.

Tuan Shaari bin Jusoh: Soalan tambahan. Elaun-elaun yang telah dimaksud oleh Setiausaha Parlimen yang berkenaan tadi wang yang disertakan dengan wang pembangunan wang itu juga dibayar kepada elaun-elaun atau wang yang dibayar elaun itu peruntukan daripada Kerajaan Negeri.

Tuan Yang di-Pertua: Tolong ulang sekali lagi?

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, adakah wang yang dikira sebagai elaun tadi elaun jamuan dan segala-galanya, ertinya elaun wang pembangunan yang diberi oleh Kerajaan Pusat ataupun wang elaun-elaun tadi baik jamuan ialah peruntukan parti iaitu peruntukan Kerajaan Negeri.

Tuan Shahrir bin Abdul Samad: Kerajaan Negeri.

Tuan Yusof bin Malim Kuning: Soalan tambahan. Dari penjelasan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menerangkan bahawa kadar itu berbeza-beza di antara negeri dengan negeri. Jadi untuk menyelaraskan perkara ini saya ingin bertanya adakah pihak Kementerian Jabatan Perdana Menteri bercadang hendak menyelaraskan pembayaran ini dan kedua adakah Kerajaan bercadang hendak menimbang atau mengkaji semula bayaran suguhati ini kerana bayaran sekarang terlalu dhaif.

Tuan Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana saya katakan ini adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri dan setakat ini Jabatan Perdana Menteri belum ada rancangan untuk cuba menyelaraskan pembayaran atau kadar elaun-elaun yang dibayarkan dan keadaan dhaif atau kecilnya elaun terpulangnya kepada kemampuan negeri-negeri yang berkenaan.

DAGING MAJUTERNAK

7. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa daging Majuternak yang telah diumumkan untuk dijual dengan harga \$3.60 sekati pada masa perayaan Hari Raya Aidilfitri yang lalu telah dijual dengan harga \$4.80 di setengah-setengah tempat. Jika ya, apakah tindakan

yang akan diambil ke atas mereka yang mengambil kesempatan ini dan sama ada kawalan mengenai harga ini akan dilakukan di seluruh negara.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Edmund Langgu anak Saga): Tuan Yang di-Pertua, yang sebenarnya harga daging telah ditetapkan oleh Kerajaan kepada peruncit-peruncit ialah \$3.10 sekati, dan harga dijual oleh peruncit-peruncit kepada pembeli-pembeli ialah \$3.60 sekati. Tetapi disebabkan musim perayaan Hari Raya Aidilfitri yang lalu harga daging telah meningkat kepada \$4.80 sekati disebabkan peruncit-peruncit mendapati daging Majuternak dari lembu-lembu banyak lemak dan untuk mengelakkan kerugian maka mereka terpaksa menjual daging lebih daripada \$3.60 sekati. Tetapi Kementerian saya melalui Majuternak telah membuat operasi di sekitar Lembah Kelang dan Kuala Lumpur untuk membekai daging-daging kepada pembeli-pembeli dengan harga \$3.60 sekati dengan menambahkan pembekalan di kawasan ini. Walau bagaimanapun, amaran telah diberi kepada peruncit-peruncit Majuternak bahawa bekalan mereka akan dihentikan sekiranya mereka menjual lebih dari harga tersebut semasa musim perayaan.

Tuan Yusof bin Malim Kuning: Bersabit dengan harga daging Majuternak terutamanya menjual pada hari raya dengan harga yang diumumkan \$3.60 sekati tetapi apa yang saya tahu Majuternak hanya membekalkan di bandar Kuala Lumpur sahaja. Jadi apa hal dengan bandar-bandar lain di seluruh Malaysia. Adakah Kementerian ini bercadang pada raya akan datang bukan sahaja di Kuala Lumpur tetapi di seluruh negara.

Tuan Edmund Langgu anak Saga: Tuan Yang di-Pertua, harga daging di Lembah Kelang adalah satu harga yang dianggap sebagai price ladder. Sekiranya

Tuan Yang di-Pertua: Bukan harganya Yang Berhormat, tetapi bekalan daging. Mengikut Ahli Yang Berhormat dari Panti hanya di Kuala Lumpur sahaja dibekalkan.

Tuan Edmund Langgu anak Saga: Saya akan jawab.

Tuan Yang di-Pertua: Jawablah itu. Itu yang dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat ini, jangan panjang-panjang kepada yang lain-lain. Dia tidak soalkan harga, dia soalkan bekalan.

Tuan Edmund Langgu anak Saga: Tuan Yang di-Pertua, Majuternak sekarang tidak dapat mengeluarkan daging terus ke tempat di luar Lembah Kelang atau Kuala Lumpur ini kerana kalau daging di Lembah Kelang itu tidak diberi subsidi, harga daging akan naik dan harga daging di bandar di luar Kuala Lumpur dan Lembah Kelang pun ikut naik nanti.

Tuan Aw How Cheong: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya sama ada Kementerian bercadang supaya harga rendah bagi daging itu dapat diberi di hari-hari perayaan yang lain juga tidak semestinya pada Hari Raya Aidilfitri sahaja.

Tuan Edmund Langgu anak Saga: Itu soalan lain.

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohammad Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau akan menimbangkan untuk melonggarkan syarat-syarat untuk mengimpot lembu-lembu dan kerbau-kerbau dari luar negeri terutamanya dari negeri Thailand dalam musim-musim perayaan.

Tuan Yang di-Pertua: Ini berkaitan juga, tetapi katakan lain itu tidak apalah.

Tuan Edmund Langgu anak Saga: Pada masa sekarang Majuternak cuma membeli lembu dari Australia sebab kita mengambil kira kawalan atas penyakit-penyakit yang merebak seperti penyakit kuku dan mulut.

Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan mengikut jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi bekalan daging kurang pada musim-musim perayaan. Adakah Kementerian yang berkenaan ini bercadang mahu membanyakkan lagi pusat-pusat penyembelihan dan pusat-pusat Majuternak ini sama ada mahu diadakan di tiap-tiap negeri atau beberapa banyak tambahan daripada yang ada hari ini.

Tuan Edmund Langgu anak Saga: Akan ditimbangkan Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Edwin anak Tangkun: Soalan tambahan. Soalan ini mengenai harga-harga daging di waktu hari raya, saya ingin bertanya adakah Kerajaan bercadang supaya mengurangkan harga daging di seluruh negara di waktu Tahun Baru Cina atau hari Krismas.

Tuan Yang di-Pertua: Tak payah jawab. Soalan lain.

KAYU BALAK/KAYU GERGAJI— BEKALAN

8. Datuk Lee Boon Peng minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sama ada beliau sedar tentang kekurangan balak dan kayu gergaji yang telah menyebabkan kos-kos membina rumah telah naik berkali ganda baru-baru ini, dan sama ada beliau sedar bahawa sungguhpun ada sekatan ke atas eksport batang balak, pengeksport balak telah menukar haluan dengan mengeksport kayu gergaji pula.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama (Tuan Abdul Rahim bin Thamby Chik): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar tentang kesusahan yang dihadapi oleh pengguna-pengguna tempatan bagi mendapatkan bekalan kayu balak dan kayu gergaji dan juga kesusahan berpunca dari kenaikan harga kayu gergaji. Walau bagaimanapun, masalah-masalah ini bukanlah faktor yang tunggal yang menyebabkan kenaikan kos-kos membina rumah. Saya telahpun menerangkan dengan panjang lebar mengenai masalah ini semasa saya menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat daripada Padang Rengas, di Dewan yang mulia ini pada 7-11-79 yang lalu.

Saya juga sedar bahawa dengan adanya sekatan terhadap eksport kayu balak, pengeksport-pengeksport telah menukar haluan kepada mengeksport kayu gergaji. Eksport kayu gergaji adalah lebih menguntungkan negara daripada eksport kayu balak. Kementerian saya berpendapat bahawa masalah kekurangan bekalan kayu dalam negeri tidak dapat diatasi dengan cara mengharamkan sama sekali atau menghadkan pengeksportan kayu gergaji oleh kerana "viability" kilang-kilang papan dalam negeri adalah bergantung kepada pengeluaran "complementary" kayu gergaji untuk pasaran eksport dan pasaran

tempat. Perkara ini telah beberapa kali ditegaskan, umpamanya dalam jawapan saya kepada pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Telok Anson pada 18-6-79. Apa yang harus saya tegaskan di sini ialah bahawa masalah kekurangan bekalan kayu-kayan bukanlah satu masalah yang dihadapi di negeri ini sahaja tetapi ianya adalah merupakan satu masalah yang juga dihadapi oleh beberapa negara lain di rantau ini. Ini adalah disebabkan bahawa permintaan untuk kayu-kayan keras tropika adalah melebihi sumber kayu-kayan yang boleh dikeluarkan daripada kawasan hutan pada keseluruhannya.

Kementerian saya sentiasa mengawasi tentang kekurangan kayu balak dan kayu gergaji ini dengan tujuan untuk menentukan bahawa sektor pembinaan dalam negeri tidak akan menghadapi kekurangan kayu gergaji pada masa-masa hadapan.

Tuan Ismail bin Said: Soalan tambahan. Saya ingin tahu sama ada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar ataupun tidak bahawa kekurangan kayu balak dan kayu gergaji adalah terdiri dari golongan kayu-kayu yang berada dalam golongan yang popular speciesnya misalnya kayu Kapur, Meranti, Merbau dan sebagainya. Jika sedar, adakah beliau bercadang hendak mengadakan satu program untuk memperkenalkan dalam pasaran tempatan tentang kegunaan kayu-kayan di dalam golongan species yang tidak popular ini, misalnya membuat, kelutung dan sebagainya yang mana mutu agak setanding dengan kayu-kayu yang popular tadi bagi menghadapi masalah kekurangan kayu dalam negara kita ini.

Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa kekurangan berlaku pada species kayu-kayan yang popular tetapi saya suka mengingatkan kepada Ahli Yang Berhormat itu bahawa tindakan kita untuk menghadkan pekeksport kayu balak dan kayu gergaji ini adalah terdiri sememangnya jenis-jenis species yang popular yang mana kebanyakannya adalah diperlukan bagi kegunaan tempatan di dalam negeri kita.

Akibat daripada ini kita dapat melihat daripada tahun 1976 hingga 1978 bahawa pembekalan kayu-kayan gergaji tempatan telah bertambah daripada 41% ke 45% untuk digunakan oleh orang-orang di negara kita.

Untuk menjawab soalan yang selanjutnya daripada Ahli Yang Berhormat, bahawa adalah menjadi dasar Kementerian saya melalui Jabatan Perhutanan dan Institut Penyelidikan Hutan untuk terus mengadakan penyelidikan-penyelidikan yang lebih intensif untuk mencari kegunaan kayu yang belum beberapa terkenal digunakan yang banyak terdapat dalam hutan-hutan negara kita. Dan adalah menjadi harapan saya bahawa penyelidikan-penyelidikan yang sedang dijalankan akan membawa hasil yang positif dan berfaedah kepada negara.

Tuan Au How Cheong: Soalan tambahan. Saya ingin bertanya adakah benar atau tidak bahawa Kementerian Perusahaan Utama ini mendapat jawapannya daripada Lembaga Kayu Kayan yang mungkin mereka tidak memberi nasihat yang berpatutan ataupun tepat. Lembaga itu hanya menasihati peratusan kayu yang dieksport dan peratusan yang digergaji itu digunakan di dalam negara kita. Tetapi permintaan adalah mungkin lebih daripada apa yang dibekalkan bagi pasaran-pasaran tempatan kita. Adakah itu benar atau tidak?

Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik: Jawabnya tidak benar, Tuan Yang di-Pertua, sebab selain daripada data-data yang kita dapati daripada Lembaga Perindustrian Kayu Kayan Malaysia, Kementerian saya juga mendapat maklumat-maklumat daripada berbagai agensi yang bertanggungjawab mengenai statistics bagi negara kita ini seperti Jabatan Perangkaan sendiri, Jabatan Perhutanan Malaysia, Institut Penyelidikan Perhutanan, Kepong dan berbagai-bagai lagi. Kita sentiasa sahaja menyelaras data-data yang kita miliki supaya data-data ini menunjukkan keadaan yang sebenarnya ada di dalam negara kita.

SUBSIDI BAJA KEPADA PETANI

9. **Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat** minta Menteri Pertanian menyatakan dasar yang telah ditetapkan mengenai pembahagian subsidi baja dan adakah beliau sedar perpecahan sedang menjadi-jadi di Kelantan akibat dari penyelewengan subsidi oleh setengah-setengah pihak terhadap petani-petani yang menganuti fahaman politik tertentu dan akibat-akibat yang akan timbul seperti sekatan-sekatan pengaliran air dan perjalanan jentera tenggala oleh tuan-tuan punya tanah tertentu.

Tuan Edmund Langgu anak Saga: Tuan Yang di-Pertua, sekim subsidi baja adalah untuk petani-petani yang benar-benar mengusahakan sawah mereka sendiri dengan tidak mengira apa parti politik mereka. Saya tidak sedar adanya perpecahan berlaku di Kelantan akibat subsidi baja ini. Jika ada, saya rasa maka eloklah Yang Berhormat itu berusaha menyelesaikannya.

Tuan Yusof bin Malim Kuning: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu adakah menjadi dasar kepada Kerajaan ataupun Kementerian ini untuk memberikan subsidi kepada orang-orang yang tidak hendak ataupun memberi subsidi kepada orang-orang yang menentang Kerajaan?

Tuan Yang di-Pertua: Jawapan sudah ada diberi tadi—tidak mengira apa parti politik.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah beliau sedar bahawa perpecahan dari sebab pembahagian baja ini adalah kecil kalau dibandingkan perpecahan akibat daripada fatwa-fatwa karut yang dibawa oleh ahli-ahli politik tertentu yang menggunakan Islam sebagai alat politik. Jika sedar, adakah tuduhan ini merupakan prejudice ataupun kebimbangan orang-orang PAS terhadap Kerajaan Barisan Nasional sekarang melakukan diskriminasi terhadap orang-orang PAS dalam pembahagian baja atau lain-lain sebagaimana Kerajaan PAS dahulu pernah melakukan diskriminasi terhadap orang-orang UMNO.

Tuan Yang di-Pertua: Mana Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian hendak tahu hal fatwa-fatwa ini. (*Ketawa*) Tidak payah jawab, kalau boleh pun.

Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian sedar bahawa lebih kurang 70 orang, dan namanya ada bersama-sama saya ini, yang tidak dapat subsidi baja dan nama-nama ini hanya terletak dalam satu kawasan Tok Penghulu sahaja, sebagai contoh. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa lebih kurang 70 orang yang namanya ada bersama saya hari ini tidak dapat subsidi baja sedangkan mereka ini juga cukup segala syarat dan rukun untuk mendapat

subsidi baja dan mereka juga menjadi ahli koperasi. Kalau sedar, apakah Dewan ini boleh menerima satu jaminan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa orang-orang ini akan diberi subsidi baja.

Tuan Yang di-Pertua: Apa jawapannya Yang Berhormat?

Tuan Edmund Langgu anak Saga: Tidak sedar. (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Jadi kirimkan sahajalah senarai itu kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Hussein bin Mahmood: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan sedar bahawa untuk mendapatkan subsidi baja daripada Kementerian Pertanian, seseorang itu memerlukan beberapa syarat di antaranya hendaklah memenuhi borang-borang dan borang ini hendaklah ditandatangani oleh orang-orang yang tertentu. Jadi sekiranya seorang itu tidak mencukupi syarat-syarat berkenaan maka sudah tentu subsidi baja tidak layak diberi

Tuan Yang di-Pertua: Ini penjelasakah atau soalan tambahan?

Tuan Hussein bin Mahmood: Sama ada beliau sedar atau tidak.

Tuan Edmund Langgu anak Saga: Sedarlah. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat sedarlah. (*Ketawa*)

Tuan Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar bahawa di kawasan saya sahaja ada lebih kurang 3,000 ahli UMNO yang sehingga hari ini masih tertunggu-tunggu lagi kepada subsidi baja dan subsidi benih.

Tuan Yang di-Pertua: Pertanyaan ini tidak bolehlah, mana dia tahu!

POLIS HUTAN/SENOI-PRAQ— PERUNTUKAN KERAJIAN

10. Tuan Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau ber-cadang memberikan peruntukan keraian kepada pasukan polis hutan dan Senoi-Praq yang berkhidmat di sempadan Malaysia Thai untuk mempereratkan kerjasama antara pasukan keselamatan dengan penduduk tempatan.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj): Tuan Yang di-Pertua, peruntukan bagi keraian memang ada iaitu disalurkan kepada Jawatankuasa Kerja Keselamatan Negeri di tiap-tiap negeri di kawasan sempadan untuk kegunaan pasukan keselamatan bagi menjalankan program-program, merapatkan kerjasama dan muhibbah dengan penduduk-penduduk tempatan.

Seperti yang termaklum satu matlamat yang terpenting dalam usaha keselamatan Malaysia dan juga bersama dengan negeri Thailand menghancurkan saki-baki peng-ganas komunis sembunyi dan bergerak di kawasan sempadan ialah mendapat rakyat tempatan supaya mereka itu menyedari dan tidak memberi simpati ataupun beberapa bentuk bantuan kepada penganas komunis. Sebaliknya memberi sokongan yang kuat dan kerjasama dengan pihak-pihak berkuasa ke-dua-dua buah negeri.

Selain daripada itu di satu peringkat yang lebih tinggi pihak Kerajaan Malaysia dan Thailand telah bersetuju untuk mengadakan projek-projek ekonomi dan sosial di kawasan-kawasan sempadan ke-dua-dua buah negeri bagi membawa pembangunan dan kemajuan yang seimbang supaya rakyat di kawasan sempadan merasakan bahawa ke-dua-dua Kerajaan adalah mengambil berat tentang kebajikan dan juga untung nasib mereka itu.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ini mengawal wang yang telah diberi melalui Jawatankuasa Kerja Keselamatan Negeri ini untuk memastikan wang ini sebenarnya digunakan untuk kebajikan penduduk di situ dan tidak dibelanjakan bagi mengeratkan kerjasama secara maksiat seperti minuman keras, perjudian dan sebagainya di sempadan.

Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, setahu saya wang-wang ini adalah digunakan untuk mengatur program-program yang umpamanya majlis dialog, majlis operation "Bakti" untuk memberi khidmat kepada rakyat di kampung-kampung, perjumpaan muhibbah dan sebagainya dan saya tidaklah sedar bahawa wang ini dipergunakan untuk tujuan maksiat.

BUKU-BUKU TEKS

11. Tuan Awang bin Jabar minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kementerian saya sedar bahawa ada kedapatan setengah-setengah fakta di dalam buku-buku teks yang bercanggah dengan prinsip Islam, kalau sedar, apakah langkah-langkah yang sudah diambil bagi memperbaikinya.

Menteri Pelajaran (Dato' Musa bin Hitam): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar bahawa pernah berlaku pada masa-masa yang lepas sebilangan kecil buku-buku teks yang mengandungi fakta-fakta yang bercanggah dengan prinsip Islam. Langkah-langkah berikut telahpun diambil untuk memperbaikinya:

- (1) Penerbit-penerbit berkenaan telah diminta untuk mengeluarkan fakta-fakta ini daripada buku-buku teks mereka serta dibetulkan fakta-fakta tersebut.
- (2) Sekiranya perkara ini sangat serius buku-buku berkenaan telah tidak dibenarkan sama sekali digunakan di peringkat sekolah-sekolah.
- (3) Satu Jawatankuasa di peringkat Kementerian saya telah ditubuhkan untuk melihat dan menyemak buku-buku teks yang terlibat sekiranya pengaduan-pengaduan diterima dari orang ramai. Jawatankuasa ini akan memastikan supaya semua bahan-bahan serupa ini ditinggalkan daripada buku-buku teks berkenaan.

Saya suka memaklumkan juga bahawa Kementerian saya sedang meneliti dan menyemak semula semua buku-buku teks yang digunakan di sekolah-sekolah supaya apa-apa juga unsur yang bercanggah dengan ajaran agama khususnya dan prinsip Rukunegara amnya akan dibaiki dan dibetulkan.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, supaya perkara ini tidak mungkin berlaku lagi pada masa hadapan, adakah

pihak Yang Berhormat Menteri Pelajaran bercadang untuk mengarahkan Pengarah Bahagian Hal Ehwal Ugama di Kementerian Pelajaran supaya menapis semua buku-buku teks yang dicadangkan itu supaya perkara ini tidak akan berlaku lagi.

Dato' Musa bin Hitam: Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang telah saya senaraikan yang diambil atas nama Kementerian Pelajaran ialah di bawah tanggungjawab Pengarah Pelajaran Bahagian Ugama di Kementerian saya.

KUTIPAN TOL SLIM RIVER/ TANJUNG MALIM

12. Tuan Umar bin Haji Ismail minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan jumlah kutipan tol di lebuh raya Slim River/Tanjung Malim sejak dilaksanakan dan apakah sebabnya tidak dijalankan kutipan tol di lebuh raya yang baru dibina seperti lebuh raya Kuala Lumpur-Karak dan lain-lainnya.

Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soal yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Padang Rengas mengenai keputusan tol Slim River telahpun saya jawab di dalam Dewan yang mulia ini pada 12hb Oktober, 1979 yang lalu dalam menjawab soalan Yang Berhormat dari Bukit Mertajam. Berkenaan dengan keputusan tol di Lebuh raya-lebuh raya yang baharu seperti Lebuh raya Kuala Lumpur/Karak Kerajaan sedang membuat kajian.

JALAN BUKIT KIJAL, KEMAMAN, TRENGGANU

13. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan adakah beliau bercadang atau telahpun ada di dalam rancangannya untuk merendahkan jalan di Bukit Kijal, Kemaman, Trengganu, dengan mengadakan dua lorong sehalu sebagaimana Lebuh raya Karak-Kuala Lumpur.

Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya menyatakan bahawa rancangan untuk memperelokkan Jalan Bukit Kijal, Kemaman, Trengganu telah dimasukkan ke dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Buat masa ini pihak juru

perunding sedang membuat kerja-kerja reka-bentuk dan tawaran untuk pembinaan di jangka akan dipanggil sebelum bulan Jun, 1980.

ANGKA KEMASUKAN KE UNIVERSITI

14. Tuan Hussein bin Mahmood minta Menteri Pelajaran menyatakan angka kemasukan ke Universiti Malaya, Universiti Pertanian, Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Sains Malaysia dan Universiti Kebangsaan Malaysia bagi tahun 1979/80. Berikan angka pecahan mengikut kaum dan Fakulti bagi setiap Universiti-universiti tersebut.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana jawapan ini memang agak panjang, jadi saya minta izin, Tuan Yang di-Pertua, saya akan memberikan jawapan bertulis kepada Yang Berhormat yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua: Itu sebaik-baiknya, kerana panjang sangat. Kalau universiti sahaja tidak apa, ini tiap-tiap fakulti dan tiap-tiap universiti. Soalan bagi jawab mulut sudah habis.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1979)

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas Masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang. (6hb Disember, 1979).

DAN USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (BIL. 3), 1979

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatan-kuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, menurut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa sejumlah wang tambahan sebanyak tidak lebih daripada \$219,547,830 diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun

Kewangan 1979, bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek) seperti yang dinyatakan dalam ruangan pertama dan kedua penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 29 Tahun 1979, dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek) dalam ruangan sepuluh dan sebelas." (6hb Disember, 1979).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis sedang menimbangkan Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama dan Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3) membahaskan dalam dasar am. Saya telah umumkan semalam, saya akan minta Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan menjawab pada pukul 4.30 petang dan saya harap akan memberi peluang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain hendak bercakap supaya lebih daripada 15 minit, itu sepanjang-panjangnya. Ahli Yang Berhormat dari Damansara hendak bercakap?

Tuan V. David: Boleh juga.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh juga—tidak boleh (*Ketawa*). Yang Berhormat dari Pontian.

3.26 ptg.

Tuan Haji Ikhwan Lin Nasir (Pontian): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut mengambil bahagian untuk mendebatkan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan yang melibatkan tentang Kementerian Pelajaran. Saya suka merujuk kepada P. 29 Perbelanjaan sebanyak \$49,990.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kita sedang membahaskan dalam dasar am dan pentadbiran, belum sampai kepada Jawatankuasa lagi.

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil bahagian dalam perkara am untuk menumpukan bahawa setakat ini ada seramai 12,856 orang Pelajar-pelajar Malaysia yang menuntut di universiti-universiti, politeknik-politeknik dan maktab-maktab di Britain akan terlibat dengan polisi Kerajaan Conservative yang dipimpin oleh Margaret Thatcher yang hendak meneruskan cadangannya untuk mengenakan bayaran sepenuhnya kepada pelajar-pelajar luar negeri yang belajar di negeri itu. Sekira-

nya cadangan tersebut diluluskan oleh Parli-
men Britain maka pelajar-pelajar di Britain
menjadi tempat yang paling mahal di dunia
ini di mana pelajar-pelajar dari keluarga yang
kayaraya sahaja dapat belajar di sana.
Setakat ini ada 88,000 pelajar sedang belajar
di sana, 12,856 orang dari Malaysia dan
jumlah pelajar-pelajar Malaysia ini adalah
terbesar jika dibandingkan dengan pelajar-
pelajar di negara-negara lain di United
Kingdom.

Kerajaan British mendakwa ia telah menge-
luarkan perbelanjaan sebanyak £105,000,000
sterling untuk menampung 86,000 orang
pelajar-pelajar tersebut. Belanja untuk pel-
ajar-pelajar luar negeri sahaja ialah sebanyak
£135 juta sterling setahun dan ditolak baya-
ran persekolahan sebanyak £40 juta sterling
di mana bakinya sebanyak £105,000,000
sterling telah ditanggung oleh Kerajaan
British.

Sebenarnya satu laporan yang dibuat oleh
London Conference on Overseas Students
telah menghujah akan dakwaan Kerajaan
British itu dengan alasan-alasan berikut:

- (1) Pelajar-pelajar luar negeri di Britain
sebenarnya telah mengambil tugas
membuat penyelidikan di universiti-
universiti di Britain dan lain-lain
institusi pelajaran yang menguntungkan
negara tersebut. Professor E. J. Edward
bekas Naib Canselor Universiti York-
shire, Bedford telah mendedahkan
bahawa pelajar-pelajar luar negeri telah
membuat penyelidikan yang sangat-
sangat berfaedah dan jika diambil kira
seorang penyelidikan tempatan Inggeris
sendiri akan melibatkan perbelanjaan
negara itu di antara £3,000 hingga
£4,000 sterling. Ada seramai 7,500 post-
graduates luar negeri yang membuat
tugas penyelidikan dengan anggaran
perbelanjaan yang paling rendah me-
libatkan kira-kira £20 juta sterling
setahun.
- (2) Kehadiran pelajar-pelajar luar negeri di
Britain telah memberikan menafaat
perdagangan kepada Britain. Siswazah-
siswazah itu semasa berada di Britain
telah melawat kilang-kilang perindust-
rian, foundry shipyard dan projek-
projek perindustrian di sana dan di
dalam kunjungan-kunjungan tersebut
telah membuat hubungan dengan pengi-
lang-pengilang dan pengeksport-peng-
ekspot Inggeris.

Berikutan dengan kunjungan-kunjungan tersebut ramai pula di antara pelajar-pelajar lepasan dari pengajian tinggi di Britain bila pulang ke negeri masing-masing memegang jawatan executive dan key post setelah melihat Britain biasanya siswazah-siswazah itu akan membeli barang-barang keluaran Britain bila pulang ke negeri masing-masing. Menurut angka yang diketahui sebuah politeknik di Sutherland telah menerima 11 tempahan untuk membuat limbungan berharga £5 juta. 20 pelajar-pelajar lepasan dari Leicester Polytechnic telah membeli jentera berharga £6 juta dan 7 pelajar lepasan London Universiti telah membuat hubungan membeli sebanyak £6 juta dari industri-industri British. Dari contoh-contoh tersebut dalam dianggarkan bahawa Britain akan dapat kira-kira £35 juta setahun dari punca-punca itu.

Yang ketiga, pelajar-pelajar di luar negeri di sana telah merencanakan pertukaran wang asing di Britain dalam tahun 1977 adalah dianggarkan sebanyak £309 juta wang asing telah ditukarkan di Britain oleh pelajar-pelajar luar negeri. Dan perbelanjaan ini sahaja Britain sekurang-kurangnya mendapat keuntungan sebanyak £50 juta.

Mari kita jumlahkan kesemua angka-angka ini. Nyatalah bahawa Britain telah mendapat keuntungan kira-kira £50 juta dari wang pertukaran asing, £35 juta dari dagangannya dari negara asal pelajar-pelajar asing di sana dan £20 juta dari keuntungan penyelidikan yang berjumlah kesemuanya hampir £100 juta. Jumlah pendapatan ini sama dengan jumlah yang didakwa oleh Kerajaan British tentang perbelanjaan yang terpaksa ditanggungnya untuk membuat subsidi kepada pelajar-pelajar luar negeri di Britain.

Faktor yang lain pula ialah universiti-universiti Inggeris itu mahu tidak mahu mesti dibuka dan 90% dari bilangan pelajar-pelajarnya adalah dari pelajar-pelajar warga-negara mereka sendiri. Yang demikian, untuk mengurus dan memberi tempat kepada pelajar-pelajar luar negeri, termasuk pelajar-pelajar dari Malaysia adalah lebih rendah perbelanjaannya dari apa yang mereka dakwa. Sekiranya bayaran perbelanjaan dinaikkan sepenuhnya akibatnya amatlah buruk. Bayaran para siswa termasuk dari Malaysia yang belajar di universiti-universiti di sana sekarang ini dikenakan sebanyak £940 setahun akan meningkat kepada £2,000

bagi pelajar-pelajar Jurusan Arts, £3,000 di kalangan pelajar-pelajar yang mengikuti Kursus Sains dan £5,000 mereka yang mengikuti Kursus Perubatan.

Sebagai Anggota Parlimen, anggota Dewan ini saya sangat-sangat berterima kasih kepada beberapa orang anggota-anggota Parlimen di Britain di universiti-universiti dan British Council for Overseas Students affairs serta pertubuhan-pertubuhan lain yang sedang berusaha untuk menentang tindakan menaikkan bayaran-bayaran tersebut. Universiti-universiti yang mempunyai ramai bilangan pelajar-pelajar luar negeri seperti London, Reading, Bedford telah menyeru Kerajaan British supaya mengkaji semua akibat-akibat kenaikan yuran itu dibuat. Di dalam satu perhimpunan yang diadakan awal bulan November lalu seramai 140 perwakilan dari universiti-universiti dan lain-lain pertubuhan di Britain telah menyeru Kerajaan Inggeris menarik semula polisinya terhadap pelajar-pelajar asing yang belajar di negara itu. Perhimpunan itu telah meminta Kerajaan Conservative supaya mengakui dua perkara penting mengenai tanggungjawabnya di samping menyedari akan keuntungan yang diterima oleh Britain dengan adanya kedatangan pelajar-pelajar dari luar negeri itu.

Saya menyokong penuh tindakan yang diambil oleh pelajar-pelajar Inggeris sendiri yang merancang untuk tidak mahu belajar dan melakukan tindakan mogok bagi pihak rakan-rakan mereka yang datang dari luar negara. Di dalam hubungan ini saya berterima kasih kepada sikap dan response yang ditunjukkan oleh Kerajaan Australia dan New Zealand berikutan dengan hasil pertemuan yang dibuat oleh Menteri Pelajaran kita, Dato Musa Hitam yang menemui pemimpin-pemimpin dari kedua-dua negara itu baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua: Peraturan Mesyuarat tidak membenarkan sebut nama, memadai sebut jawatannya.

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua. Kenyataan Pesuruhjaya Tinggi Kanada yang menjanjikan bahawa Kerajaannya akan menimbangkan kemudahan-kemudahan pelajar dan bayaran-bayaran yang lebih rendah untuk pelajar-pelajar Malaysia belajar di sana juga sangat-sangat dihargai. Kepada Kerajaan Conservative Inggeris saya merayu supaya

mereka jangan memikirkan tentang keadaannya sebagai sebuah negara industri sahaja yang bertindak semata-mata atau hanya untuk mengharapkan supaya semua pelajar-pelajar luar negeri membayar perbelanjaan mereka di Britain sepenuhnya. Saya berpendapat bahawa tanggungjawab British mestilah disoal dan Kerajaan Conservative mestilah diberikan kesedaran bahawa imej antarabangnya akan musnah dengan tindakan-tindakan yang semata-mata mementingkan diri mereka sendiri.

Tuan Yang di-Pertua: Sebahagian besar ucapannya tepat sekali kalau diucapkan oleh Ahli Anggota Labour di House of Commons (*Ketawa*). Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh.

3.34 ptg.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad (Pasir Puteh): Tuan Yang di-Pertua, saya cuba menyentuh soal tentang Kementerian Kewangan sebelum menetapkan sesuatu peruntukan kepada mana-mana badan berkanun atau mana-mana badan yang di bawah Kerajaan hendaklah mengkaji semula tentang prestasi kewangan tiap-tiap badan berkanun itu.

Bagi tiap-tiap tahun sebelum kita membuat peruntukan tahun hadapan, misalnya peruntukan tahun 1980 maka prestasi kewangan tahun 1978 hendaklah dikaji sebelum memberi atau menambahkan peruntukan baru. Ini sebagaimana berlaku di dalam FELDA, misalnya sekarang ini kalau kita mengikut Laporan FELDA tahun 1978 didapati kewangannya sekarang ini berada sebanyak \$509,785,000 lebih, iaitu di dalam simpanan tetap dan juga wang tunai. Ini sebenarnya patut kita berterima kasih dan mengucapkan tahniah kepada pihak FELDA yang dapat mengadakan wang simpanan tetapnya yang begitu banyak tetapi pihak Kerajaan dalam membekalkan peruntukan telahpun memberi peruntukan yang lain pula, pada hal benda ini pihak FELDA sendiri dapat hidup dengan berdikari, atas kaki sendiri, tidak perlu lagi mendapat bantuan dari pihak Kerajaan. Jadi dengan menyimpan wang \$500 juta lebih dalam simpanan tetapi ini tidak akan menguntungkan pihak Kerajaan dan juga pihak rakyat seterusnya.

Selain daripada itu juga di dalam FELDA ini terdapat \$90 juta lebih wang di dalam pelaburan. Ini bermakna mengikut kos yang dibeli pelaburan itu, ini merupakan wang berlebihan yang terdapat di dalam FELDA. Jadi kejayaan FELDA ini sebenarnya patut dipuji dan dicontohi oleh badan-badan berkanun yang lain. Walaupun begitu, saya cuba mencadangkan wang keuntungan atau pelaburan ini seelok-eloknya hendaklah dijual kepada ahli-ahli peneroka yang mampu atau kepada kaum-kaum Bumiputra supaya keuntungan dapat memberi faedah kepada peneroka itu sendiri dan juga kepada Bumiputra lain.

Saya suka menyentuh soal dasar FELDA yang ada supaya FELDA ini tidak lagi membuka tanah yang seluas 10 ekar ataupun 8 ekar bagi tanaman kelapa sawit ataupun bagi tanaman getah. Sepatutnya tanah itu dikurangkan, dibahagikan sebanyak 4 ekar atau 5 ekar bagi tanaman lain daripada getah, iaitu mungkin dapat ditanam koko, teh atau kopi atau lain-lain tanaman yang mungkin akan mendapat hasil yang lebih daripada tanaman getah seluas 10 ekar kepada peneroka-peneroka, kerana tanah-tanah yang luas lebih daripada 3,000 ekar adalah tidak banyak di dalam negara kita sekarang, lebih-lebih lagi negeri-negeri macam Selangor, Negeri Sembilan dan negeri-negeri lain, cuma yang ada tinggal hanya di negeri Kelantan, Pahang dan beberapa negeri yang mundur sahaja tanah-tanah yang luas daripada 3,000 ekar. Oleh itu tanaman-tanaman yang lebih ekonomik dengan keadaan tanah yang sempit adalah berharap FELDA akan memberi perhatian seterusnya.

Masalah pembahagian tanah, terutama tanah-tanah hutan, Kerajaan janganlah mempertimbangkan tanah-tanah itu kepada orang-orang perseorangan atau syarikat-syarikat besar tetapi sebaliknya saya menyokong jika sekiranya dasar tanah ini diberi kepada rancangan-rancangan FELDA atau rancangan-rancangan FELCRA, lebih-lebih lagi kalau rancangan FELCRA itu hendak diadakan pembangunan inisitu (inisitu development) yang akan memberi tanah atau dalam penyatuan tanah yang akan memberi milik yang ekonomik kepada petani-petani dan kepada pihak-pihak yang berkehendak atau yang bergantung kepada tanah. Pemberian tanah kepada SEDC dalam tiap-tiap negeri patut dikaji semula kerana keba-

nyakannya tidak menguntungkan kepada rakyat dan juga kepada orang ramai yang benar-benar miskin. Ini patut dikaji semula supaya tanah-tanah itu dapat benar-benar diberi kepada orang yang benar-benar berkehendakkan tanah.

Saya juga hendak mencadangkan kepada pihak FELDA supaya membuka rancangan FELDA di kawasan Pasir Puteh kerana sekarang ini masih lagi terdapat 16,000 hingga 40,000 ekar tanah yang menguntungkan jika dijadikan satu rancangan FELDA; kerana tidak guna kita meneroka hutan-rimba yang begitu luas yang akan menyusahkan di dalam membangunkan satu-satu rancangan tetapi hendaklah kita mencari kawasan-kawasan yang tidak begitu jauh daripada jalanraya dan juga tidak begitu jauh dengan rancangan-rancangan yang telahpun ada.

Saya berharaplah kepada Kementerian berkenaan dapat mengadakan rancangan itu di kawasan-kawasan yang berhampiran dengan kawasan yang masih lagi mempunyai milikan tanah.

Saya juga hendak menyentuh soal tanah-tanah milik bumiputra yang ada di dalam bandar misalnya. Setengah-setengah negeri seperti Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Pulau Pinang dan beberapa negeri lain kedatangan tidak pun sampai 20%, ada di antaranya 10% sahaja tanah-tanah ini yang masih di dalam gengan bumiputra. Ini disebabkan kemiskinan atau kehimpitan oleh golongan bumiputra dalam kehidupan mereka oleh kerana setelah mendapat tawaran yang lebih tinggi maka tanah-tanah itu terpaksa dijual kepada sesiapa sahaja asalkan mendapat harga yang tinggi. Oleh itu untuk mengawal tanah-tanah ini saya mencadangkan supaya dipinda undang-undang tanah iaitu tanah-tanah yang dimiliki oleh orang Melayu atau bumiputra hendaklah diisytiharkan sebagai tanah hakmilik bumiputra atau Melayu atau sekiranya tidak dapat tanah-tanah itu diisytiharkan sebagai hakmilik mereka, maka dicadangkan supaya tanah itu boleh dibuat sebarang urusaniaga atau sebarang dealing terhadap tanah-tanah yang dimilikinya dengan syarat mendapat kelulusan Exco Negeri ataupun pihak Menteri Besar. Ini sekurang-kurangnya dapat mengawal supaya tanah itu tidak pergi kepada orang yang telahpun kaya yang telahpun memiliki harta yang banyak dan telahpun menguasai ekonomi di dalam negara ini. Dengan cara ini dapatlah kita mengawal supaya tanah ter-

sebut tidak berpindah milik dengan begitu senang kepada orang-orang kaya atau orang yang telah mempunyai banyak tanah.

Saya berbalik kepada FELDA tadi, saya rasa dengan sebab kekurangan inilah maka pihak yang telah merangkumi ekonomi negara ini tidak akan berkecil hati kalau sekiranya keutamaan di dalam memberi hak milik tanah kepada bumiputra, misalnya di dalam FELDA atau di dalam apa-apa rancangan adalah sewajarnya diberi kepada bumiputra kerana ini adalah disebabkan tanah yang dimiliki oleh bumiputra ini adalah tidak pun sampai 20% di tiap-tiap negeri yang ada di dalam negara ini. Hanya beberapa negeri sahaja yang didapati miliknya masih dikuasai oleh orang Melayu, misalnya di negeri Kelantan. Ini disebabkan 95% tanah-tanah di negeri Kelantan adalah di bawah hakmilik orang-orang Melayu maka tanah itu tidak dapat ditukar dengan senang. Inilah caranya supaya mengawal tanah itu daripada pergi kepada orang-orang yang telahpun memiliki kekayaan di dalam negara ini.

Saya cuba hendak menyentuh soal telefon di luar bandar. Saya minta kepada pihak yang berkenaan kalau dapat supaya mengadakan dua kadar bayaran kepada mereka yang duduk di luar bandar dengan pengguna-pengguna di dalam bandar kerana kita dapati penggunaan di dalam bandar lebih banyak menggunakan telefon daripada penggunaan di luar bandar. Jadi jika sekiranya pihak Telekom ini mengadakan dua kadar bayaran ini bukan sahaja menggalakkan orang di luar bandar menggunakan kemudahan telefon ini tetapi juga akan dapat memberi kemampuan kepada mereka yang tidak mampu untuk menggunakan telefon di luar-luar bandar dengan kadar yang berbeza di antara penggunaan dalam bandar dengan penggunaan luar bandar akan lebih praktikal lagi kalau kita banding berdasarkan penggunaan kerana walaupun di luar bandar tidak begitu banyak penggunaannya tetapi kalau kita banding dengan keperluan telefon ini adalah paling penting dan paling mustahak.

Sekarang ini pondok-pondok telefon awam secara keseluruhannya adalah perlahan sedikit. Jadi kalau dapat hendaklah diperbanyakkan di luar-luar bandar terutama di tempat-tempat yang selamat kerana kebanyakan telefon-telefon ini telahpun rosak dan tidak dapat digunakan. Dan pengawasan telefon ini walaupun kita perlu mendapat kerjasama daripada orang ramai tetapi letaknya telefon

itu hendaklah di tempat yang selamat, di tempat yang boleh digunakan oleh semua golongan masyarakat.

Sekarang ini kita tahu bahawa perhubungan telefon kita ke negeri Sarawak dan Sabah masih lagi menggunakan International Operator. Saya tidak tahu sama ada rancangan ini masih lagi dipergunakan ataupun telah ada rancangan supaya dapat dial terus ke negeri Sabah dan Sarawak. Dengan cara ini mungkin dapat mengurangkan nilai-nilai bayaran oleh pengguna-pengguna di antara dua perhubungan ini kerana dengan menggunakan International Operator ini mungkin akan memakan perbelanjaan yang banyak dan mungkin akan tidak memberi kemudahan kepada perhubungan di antara dua negeri ini.

Saya juga suka menyentuh tentang satelit yang ada di Melaka, misalnya "Melaka Satellite" yang menggunakan pulpa yang kita dapati dibuat oleh Kerajaan Indonesia. Adakah dengan adanya satelit ini akan memberi keuntungan kepada kita ataupun kebaikan kepada kita kerana setahu saya dengan adanya satelit di Kuantan itu kita pun telah dapat menerima segala panggilan telefon ataupun siaran terus-menerus dengan keadaan baik, tetapi apakah penjagaan (maintenance) dengan adanya satelit di Melaka itu lebih banyak kita mengeluarkan belanja daripada faedah yang kita akan dapati. Adakah dengan adanya satelit di Melaka ini hanya dengan semangat persahabatan sahaja, tetapi tidak memberi satu faedah kepada kita. Oleh itu haraplah Kerajaan mengkaji bahawa sesuatu satelit yang memakan belanja yang begitu banyak itu sekurang-kurangnya dapat memberi faedah yang lebih baik kepada kita, jangan hanya faedah itu dapat kepada negara asing tetapi perbelanjaan itu lebih besar kepada negara kita.

Selain daripada itu pula

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup, Yang Berhormat.

Ahli Yang Berhormat dari Damansara.

3.50 ptg.

Tuan V. David (Bungsar): Tuan Yang di-Pertua, yang pertama saya suka berucap di bawah B. 22.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kita sekarang membincangkan dasar am, belum sampai kepada peringkat Jawatan-kuasa.

Tuan V. David: Terima kasih. Ini mengenai Kementerian Wilayah Persekutuan di mana pada tahun lepas selepas pilihanraya, Kerajaan ada berkata iaitu mahu mengadakan satu sistem yang baru di Bandaraya bagi 5 kawasan Parlimen di Wilayah Persekutuan. Datuk Bandar ada berjanji mahu mengadakan pegawai executive untuk menjaga di tiap-tiap kawasan mengenai kesusahan rakyat dalam kawasan-kawasan itu, apa-apa soalan yang ada dalam kawasan ini tetapi sampai sekarang kita tidak nampak adanya pegawai-pegawai itu lagi. Pentadbiran Wilayah Persekutuan, kita nampak tidak lagi berkesan, bandaraya kotor dan boleh dikatakan kurang efficient. Macam mana pun kalau Bandaraya kita mahu bersih dan mahu dapat satu sistem yang baik dan rakyat di Bandaraya ini boleh dapat selesaikan perkara-perkara masing-masing, mestilah Datuk Bandar dan majlis itu mahu mengambil tindakan sewajarnya.

Saya bagi satu contoh dalam kawasan Bukit Bungsar di mana flat-flat Sri Pahang ada lebih kurang 800 rumah dan boleh dikatakan 70% penduduknya adalah bumi-putra, mereka ada minta tiga empat tahun yang lepas untuk diadakan satu kawasan perkuburan kerana sesiapa yang meninggal tidak ada satu tempat yang sesuai dalam kawasan itu bagi perkuburan. Pihak Bandaraya menjawab ia ada cari satu tempat tetapi peruntukan belum diselesaikan dan belum ada kawasan untuk perkara ini sehingga memakan masa 3-4 tahun untuk mengadakan kawasan perkuburan Islam itu, sedangkan Kerajaan kita selalu mengatakan mengenai projek yang menelan berjuta-juta ringgit tetapi bila ada satu projek yang tidak sampai \$100,000 kita tidak boleh selesaikan, akhirnya bila ada orang meninggal dunia, ia tidak boleh ditempatkan di tempat yang aman sampai kita menghantar dia ke kubur. Ini saya minta, oleh sebab Datuk Bandar sendiri tidak campur tangan, ada juga pegawai-pegawainya yang tidak beri penerangan mengenai masalah rakyat dalam kawasan itu. Ini bukan sahaja kawasan perkuburan tetapi ada lain-lain perkara yang tidak memuaskan seperti perkara lif; ada dua lif, di satu-satu bangunan flat itu. Lif itu selalu tidak berjalan, barangkali 3 hari sekali, lif rosak, kedua-duanya tidak berjalan. Kalau berjalanpun, satu kena tutup, satu dibuka. Bila Datuk Bandar melawat kawasan itu kedua-dua lif itu berjalan baik, kerana pegawai-pegawainya selama dua minggu pergi membersihkan tempat itu dan buka semua lif dan panggil mekanik meng-

uruskan jika ia tidak berjalan. Bila Datuk Bandar sampai, dia tengok semua ada berjalan baik dan bersih dia ingat semuanya baik dalam kawasan itu.

Tuan Yang di-Pertua: Ucapan ini sama sahaja dengan ucapan Ahli Yang Berhormat yang telah bercakap beberapa hari lalu. Serupa sahaja.

Tuan V. David: Ya, saya sambung sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Ini bukan sambung, ini ulang semula.

Tuan V. David: Terima kasih. Saya minta kepada Kementerian Wilayah Persekutuan yang sekarang mempunyai seorang Menteri, iaitu tidak lain dari Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Oleh kerana Perdana Menteri barangkali tidak ada masa lapang, saya harap dilantik seorang Timbalan Menteri dalam Kementerian ini untuk menjaga masalah rakyat di kawasan tersebut. Boleh dikatakan ramai orang luar bandar tinggal di dalam bandar dan mereka tidak boleh duduk dalam bandar kerana harga sewa rumah adalah tinggi, mereka terpaksa duduk di kawasan setinggan ataupun di flat-flat. Tetapi kalau kita tidak boleh beri mereka faedah apa yang mereka patut boleh dapat, ini boleh saya katakan yang pegawai-pegawai Bandaraya tidak menjelaskan tugasnya. Kita juga dapat tahu atau khabar yang boleh dipercayai bahawa ada juga, pegawai-pegawai sampai di tiap-tiap kawasan Bandaraya, bila dia nampak sampah di sana, dia kata kalau beri wang, kita boleh bersihkan, kalau tidak kita saman. Ini biasa, oleh sebab administration Bandaraya tidak bergerak, ada juga diberi kontrek bekerja dalam Bandaraya ini. Ini boleh dikatakan satu penyakit akan timbul dalam Bandaraya kalau tidak dibersihkan Bandaraya kita, ianya boleh rosak dan kotor dan orang-orang daripada luar negeri ataupun Ketua-ketua Kerajaan dari luar negeri bila sampai dalam Bandaraya, imej kita boleh rosak. Oleh itu saya cadangkan hari ini supaya Kementerian Wilayah Persekutuan melantik satu Suruhanjaya yang diketuai oleh seorang Hakim Besar, boleh siasat apa-apa masalah dan penyakit dalam pentadbiran Wilayah Persekutuan.

Sekarang kita nampak dalam Bandaraya Kuala Lumpur tidak ada pegawai-pegawai mengawasi pekerjaanya dengan sempurna, oleh kerana tidak ada arahan yang betul.

Bila kita kata, longkang ini tidak bersih, katanya ini bukan kerja saya, saya hanya menjaga di luar longkang. Tetapi kita kata sampah daripada longkang itu dibuang keluar, dia kata, itu bukan kerja saya itu di bawah awasan bahagian lain, ataupun pegawai lain yang menjaganya.

Saya minta kepada Kerajaan supaya perkara ini mestilah diambil tindakan berat. Sekarang Bandaraya ada beri arahan kepada penduduk di Kuala Lumpur terutama di kawasan Tiongnam dan Kolam Air, sampah tidak boleh dibuang merata-rata, orang-orang yang duduk dalam rumah itu sendiri hendaklah menjaga, hendaklah ambil sampah itu bawa ke lain tempat di mana ada tong sampah disediakan. Tetapi tiap-tiap tempat tidak ada tong sampah, tidak diketahui ke mana perginya, barangkali sudah dijual oleh sesiapa dan sudah ambil wang itu sendiri, kita tidak tahu. Dan boleh dikatakan korupsi atau rasuah adalah tinggi berlaku dalam Bandaraya. Saya cadangkan, kalau sekiranya kita mahu mengatasi atas perkara ini, mestilah kita lantik Suruhanjaya yang mana ianya boleh dapat kuasa untuk periksa semua masalah dalam Bandaraya.

Lagi satu perkara mengenai Kementerian Pengangkutan yang selalu mengatakan ia mempunyai peruntukan berjuta-juta ringgit untuk menyelesaikan masalah rakyat bukan sahaja di Kuala Lumpur tetapi juga di lain-lain bandar mengenai sistem transport untuk penduduk yang ramai seperti Kuala Lumpur dan lain-lain tempat. Bagi mereka yang tidak ada kenderaan untuk masuk ke bandar, terpaksa ia naik bas, malangnya bas di bandaraya tidak ada satu sistem yang baik, kadang-kadang orang yang ingin keluar pukul 7 pagi dari rumah dan sampai ke pejabat pukul 8 pagi tetapi ia tidak boleh sampai. Kalau ada bas pun penuh dengan penumpang dalam bas itu, kerana tidak ada satu sistem pengangkutan yang mengikut jadual.

Saya minta Kementerian Pengangkutan mencadangkan supaya ditubuhkan satu badan yang baik, jangan campurkan politik dalam badan itu dan badan sistem pengangkutan itu hendaklah bebas, mesti beri keuntungan yang sama kepada rakyat yang miskin terutama yang menaiki bas, rakyat mestilah mendapat satu faedah yang mana ia boleh naik bas dan turun di mana ia suka dalam negara kita.

Saya minta Yang Berhormat Menteri Pengangkutan supaya memandang berat atas perkara ini yang mana telah menjadi masalah besar, tiap-tiap hari ada juga akhbar-akhbar mencadangkan untuk melaksanakan sistem mini-bas tetapi mini-bas tidak dapat selesaikan masalah rakyat yang sukar untuk dapat menaiki bas bukan sahaja dalam Wilayah Persekutuan tetapi juga di seluruh tanahair kita.

Lagi satu perkara, mengenai jawapan Perdana Menteri mengenai satu soalan di sini dahulu di mana ada dijawab oleh Menteri Kewangan bahawa di tiap-tiap kawasan Parlimen boleh mendapat peruntukan sebanyak \$100,000 dan apa-apa sahaja projek Ahli Parlimen cadangkan, Kerajaan boleh jalankan projek itu, kita boleh siasat tetapi saya nampak peruntukan \$100,000 itu bukan diberi kepada kawasan yang dikuasai oleh Opposition atau parti Pembangkang, tetapi semata-mata kepada kawasan Barisan Nasional.

Satu contoh yang saya boleh beri ialah mengenai satu jambatan di Kampung Kasipillay di mana saya ada cadangkan mengenai keperluan membuat satu jambatan oleh sebab murid-murid yang pulang dari sekolah tidak boleh berjalan jauh, dan kadang-kadang mereka berjalan atas jalan keretapi. Saya ingin memberi ingatan bahawa perkara ini boleh menyebabkan kehilangan nyawa murid-murid kita dalam kawasan itu. Saya telah mencadangkan dan dua tiga kali saya hantar surat kepada Perdana Menteri, baru sahaja saya mendapat jawapan mengatakan dia ada fikiran atas perkara ini. Kalau Ahli Parlimen Barisan tidak sampai dua hari perkara ini boleh selesaikan. Saya minta dalam Parlimen apa yang kita janjikan mesti dijalankan sebab kita hormatkan Dewan ini, apa yang dijanjikan dalam jawapan itu mesti diikuti 100%.

Saya minta Jabatan Perdana Menteri selesaikan masalah jambatan ini, jambatan ini bukan \$100,000 barangkali \$30,000. Kita tidak mahu campurtangan dalam hal ini kerana sudah ada pegawai eksekutif yang berkuasa mengimplimentasikan apa-apa projek. Kita tidak mahu pegang wang itu. Barangkali peluang itu diberi kepada Ahli-ahli Parlimen Barisan tetapi Parti Pembangkang tidak minta wang itu. Kita hanya mahu projek itu dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

4.01 ptg.

Tuan Chan Teck Chan (Kota Melaka): Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil bahagian dalam perbahasan di dalam beberapa perkara yang mustahak. Pertama saya hendak sentuh mengenai Kumpulanwang Simpanan Pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, selama ini saya merasa terperanjat dan merasa keciwa bahawa Kerajaan telah lalai dalam tanggungjawabnya untuk memainkan satu peranan yang mustahak dalam penggunaan caruman-caruman yang dibuat oleh kaum pekerja terhadap EPF atau (Kumpulanwang Simpanan Pekerja). Saya dapati bahawa EPF (KWSP) ini sebenarnya telah dijadikan sebuah Badan Pinjaman untuk meminjam wang kepada Kerajaan Pusat. Saya tidak berkata bahawa adalah salah bagi EPF memberikan pinjaman kepada Kerajaan menjalankan segala projek pembangunan sosio-ekonominya. Tetapi apakah tujuan Kerajaan menubuhkan Kumpulanwang Simpanan Pekerja. Adakah hanya semata-mata menjadikan sebagai institusi pinjaman wang atau Finance Company hanya menerima bunga dan faedah sahaja.

Saya memang bersetuju bahawa dari segi projek pembangunan perumahan EPF adalah membuat sedikit sumbangan tetapi dari jumlah berbillion-billion ringgit wang caruman yang disumbangkan oleh kaum pekerja terhadap EPF nampaknya tidak digunakan sepenuhnya untuk memberi kepentingan utama terhadap kebajikan kaum pekerja. Bolehkah kaum pekerja menikmati faedah yang lebih bermakna dan terbesar dari caruman bulanan yang mereka buat setiap bulan.

Sebenarnya DAP di Dewan yang mulia ini telah berkali-kali mencadangkan bahawa Kerajaan seharusnya dan sepatutnya menjadikan Kumpulanwang Simpanan Pekerja sebagai badan yang boleh mempermainkan satu peranan yang lebih efektif dan bermakna untuk menjaga dan mempertinggikan taraf kehidupan ekonomi kaum pekerja. Selain daripada projek-projek perumahan apakah sebabnya Kementerian Kewangan tidak boleh memikir dan mencari jalan keluar untuk mengadakan berbagai-bagai projek supaya kaum pekerja sendiri boleh menyertai projek-projek yang dianjurkan atau diadakan oleh Kementerian Kewangan supaya kaum pekerja sendiri yang menjadi

penyumbangannya atau pencaruman boleh menjadi Pengurus atau Pengarah dalam syarikat-syarikat atau industri-industri yang ditubuhkan di bawah EPF itu.

Kalaulah di bawah Akta EPF tidak mengizinkan Kementerian Kewangan berbuat begini Akta yang berkenaan perlu dipinda supaya caruman-caruman yang berbillion-billion ringgit ini tidak seharus hanya memberikan pinjaman kepada Kerajaan yang mengorbankan kepentingan kaum pekerja hanya membayar bunga tiap-tiap tahun sahaja.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempergunakan Mesyuarat*)

Kalaulah Kerajaan mahu mencari satu jalan yang lebih efektif untuk memperbaiki kualiti kehidupan atau taraf kehidupan sosio-ekonomi kaum pekerja, saya fikir kecuali dasar peraturan investment policy Kumpulanwang Simpanan Pekerja ini boleh diubahsuaikan supaya segala pencarum wang caruman dalam Kumpulanwang Simpanan Pekerja ini boleh diberikan segala keutamaan dalam memperbaiki kehidupan kaum pekerja.

Saya berharap Kerajaan khasnya Kementerian Kewangan boleh melantik satu Jawatankuasa Khas untuk mengkaji bagaimanakah Kumpulanwang Simpanan Pekerja ini boleh dijadikan satu badan yang bukan sebagai pinjaman wang tetapi adalah sebagai badan yang terus boleh memberi faedah kepada kaum pekerja baik di bidang perumahan, perindustrian dan lain-lain bidang yang boleh terus mempertingkatkan taraf kehidupan sosio-ekonomi kaum pekerja.

Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan boleh memberitakan Dewan yang mulia ini apakah tindakan-tindakan yang lebih positif akan diambil oleh Kerajaan untuk mengubahsuaikan dasar peraturan EPF dan juga untuk menjadikan EPF sebagai badan yang bukan sahaja berjiwa rakyat bahkan berjiwa pekerja, bukanlah berjiwa pinjaman kepada Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua yang perlu saya menarik perhatian Kerajaan iaitu mengenai perusahaan awam. Tuan Yang di-Pertua, DAP tidak menentang bahawa lebih banyak wang diperuntukkan kepada Kementerian Perusahaan Awam khasnya bagi SEDC di seluruh negara kita sebagai agen

sosio-ekonomi negara kita. Tetapi nampaknya Kerajaan sangat-sangat mengecewakan rakyat Malaysia walau pun sudah berlakunya skandal dan peristiwa bankrapnya Syarikat Gula Perak dan Negeri Sembilan dan berlakunya peristiwa syarikat-syarikat industri di negeri Melaka ada enam di Negeri Sembilan seperti yang diumumkan baru-baru ini tetapi Kerajaan hanya berpuashati untuk menubuhkan sebuah Jawatankuasa Inter Department sahaja untuk menyasat. Bolehkah Jawatankuasa ini membantu Kerajaan untuk mengesan sebab musabab atau satu-satunya yang mengakibatkan projek-projek joint-venture yang bankrap yang tertutup pintunya atau rugi berjuta-juta ringgit kalau kita hanya berkata bahawa kerana kurangnya pengalaman pegawai-pegawai SEDC untuk mentadbir dan menguruskan SEDC maka tutuplah jawapan itu, tutuplah kes itu. Ini adalah sedih.

Rakyat Malaysia sendiri tidak sanggup melihat ada berlaku lagi peristiwa-peristiwa atau skandal bankrapnya syarikat-syarikat atau industri-industri usahasama pada masa masa yang akan datang. Yang lebih mustahak sekarang ialah Kerajaan perlu menubuhkan sebuah Jawatankuasa terbuka dan bebas supaya satu kertas putih (white paper) boleh dibentangkan di Dewan ini biarlah Dewan sebagai badan perundangan yang tertinggi ini dapat membahaskan, dapat mengesan latar belakang dan faktor-faktor yang mengakibatkan berlakunya Kerajaan mengalami kerugian yang begitu besar, barulah Kerajaan dapat mengambil tindakan-tindakan preventive dan positif untuk memperbaiki segala kelemahan dan kepincangan yang didapati dalam pentadbiran dan pengurusan SEDC.

Saya tidak bersetuju dengan pendapat Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang diumumkan baru-baru ini di Dewan ini mengenai syarikat-syarikat gula hanya ditubuhkan satu Jawatankuasa di bawah Kementerian. Sendiri tahu sudahlah jangan dibongkar skandal ini supaya rakyat dapat tahu apa yang berlaku. Ini adalah salah kerana setiap sen yang dibelanjakan dan diperuntukkan kepada SEDC adalah wang rakyat dan wang negara. Maka rakyat dan Dewan yang mulia ini yang meluluskan peruntukan dan perbelanjaan ini adalah berhak sepenuhnya untuk mengetahui apakah yang telah berlaku dalam SEDC. Kalaulah kita hanya asyik sahaja meluluskan peruntukan dan perbelanjaan untuk SEDC atau

badan-badan awam tetapi akhirnya wang yang diperuntukkan ini belum sampai ke tangan rakyat melalui SEDC atau badan-badan awam ini, telah ditaruhkan ke tangan yang lain. Akhirnya siapa yang rugi? Rakyat dan negara yang rugi. Siapa yang gagal? Kerajaan dan Dasar Ekonomi Baru yang gagal.

Sebab itu DAP ada mendesak Kerajaan bahawa perkara ini tidak boleh dibiarkan atau dipetisejukkan dalam icebox. Ini adalah salah, ini adalah merupakan satu tindakan atau langkah yang short-sighted. Apa sebab Kerajaan takut, bimbang, kluatir untuk menubuhkan sebuah Jawatankuasa yang terbuka dan bebas supaya Kertas Putih dibentangkan seperti Bank Rakyat. Biarlah Dewan ini dapat mengetahui siapakah yang bertanggungjawab terhadap perkara ini, apakah sebab berlaku perkara ini supaya ianya boleh dijadikan satu pengajaran yang pahit walaupun wang telah dibelanjakan pahit tetapi tidak apa, biarlah pengajaran yang pahit ini dijadikan satu pengalaman yang baik untuk memimpin dan menunjuk ajar kita pada masa-masa yang akan datang bahawa kesilapan-kesilapan dan kelemahan-kelemahan hari ini tidak akan diulangi semula.

Ini adalah mustahak tetapi apa sebabnya hingga hari ini rakyat dan Dewan ini tidak pernah mendengar bahawa Kerajaan akan menubuhkan satu Independent Board untuk menyasat badan-badan awam di bawah Kementerian Perusahaan Awam. DAP tidak hanya semata-mata menjadikan sasaran atau mencari kelemahan tetapi DAP yang mahu melihat bahawa Kerajaan boleh bertindak "S.O.S." terhadap perkara ini.

Saya tidak mahu melihat minggu depan mungkin negeri lain akan mengumumkan pentadbiran usahasama bankrap, bulan hadapan dua buah kilang lagi ditutup. Ini sangat-sangat memalukan. Kerajaan sebagai majikan yang terbesar di Malaysia tidak sanggup dan incompetence untuk mengurus dan menjalankan sebuah syarikat yang kecil. Ini telah menunjukkan competence, kebolehan dan kesanggupan Kerajaan Pusat. Tuan Speaker, ini boleh mencerminkan quality pentadbiran dan pengurusan Kerajaan dari segi projek-projek joint-venture ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa ada seminit lagi.

Tuan Chan Teck Chan: Tuan Speaker, itulah sebabnya Dewan yang mulia ini mahu mendapat satu jawapan yang tegas daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan yang akan meluluskan yang yang berjuta-juta ringgit ini, adakah sebuah Jawatankuasa terbuka dan bebas boleh ditubuhkan supaya Kertas Putih (White Paper) boleh dibentangkan mengenai skandal pembangunan di bawah SEDC di Malaysia. Sekianlah sahaja.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Parit.

4.15 ptg.

Tuan Yusof bin Malim Kuning (Panti): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mengambil bahagian menyokong di atas Anggaran Belanja Tambahan ini dan saya ingin mengambil bahagian menyentuh satu dua perkara.

Pertama sekali, saya bangun menentang apa yang dicadangkan oleh pihak DAP di bahagian Kementerian Perusahaan Awam, saya percaya yang meminta Kerajaan supaya menubuhkan satu badan penyiasatan di atas untung rugi pihak SEDC.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak faham kedudukan sebahagian daripada parti-parti Pembangkang. Ketua mereka sendiri mengatakan bahawa Dewan Rakyat yang begini mulia adalah sebagai "rubber stamp", tidak berguna bagi dia, tetapi hari ini kalau tidak silap 5 kali beliau menyuarakan supaya pihak Dewan Rakyat mengadakan satu badan penyiasat sedangkan jiwa mereka tidak percaya dengan Dewan Rakyat. Jadi apa yang dilafazkan oleh ketua mereka bertentangan dengan pengikut-pengikut mereka.

Jadi dengan ini saya membangkang sekeras-kerasnya dan saya tidak bersetuju kerana SEDC—SEDC adalah badan niaga dan bila dikatakan badan yang berniaga sudah tentu ada untung dan ruginya dan perniagaan ini belum berakhir dan kita masih menjalankannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh satu perkara lagi di bawah Kementerian Pertanian yang mana sebahagian daripada rakyat negeri kita terutamanya petani-petani dan nelayan. Sehingga hari ini kehidupan dan nasib mereka masih belum berubah. Kalau ada pun perubahan-perubahannya

tidak banyak. Jadi nelayan ini telah diamanahkan kepada Kementerian Pertanian untuk mengadakan perubahan menjejut kepada kaum-kaum nelayan.

Tuan Speaker, apa yang saya hendak timbulkan di sini ialah masalah kaum nelayan. Mereka sehingga hari ini masih lagi belum dapat keluar daripada genggaman orang-orang tengah. Jadi saya harap pihak Kementerian, pihak Kerajaan melalui Kementerian, ini berusaha dengan bersungguhsungguh. Walaupun usaha ini telahpun dilakukan, walaupun usaha ini telahpun dibuat, tetapi masih lagi nampak kaum-kaum nelayan kita banyak lagi yang terbiar, banyak yang nasibnya ditentukan oleh orang-orang tengah. Walaupun diadakan MAJUJUKAN, diadakan subsidi enjin, subsidi pukut dan sebagainya pada hari ini, telah timbul pula satu masalah dengan sebab berkurangan minyak diesel, maka nelayan-nelayan kita selain daripada kesusahan yang telah sedia ada, mereka pula hari ini ditimpa oleh satu kesusahan lagi iaitu kekurangan minyak diesel.

Ada di antara nelayan-nelayan di kawasan saya hari ini ke laut, besok tidak dapat ke laut. Sebabnya mereka terlambat hendak beli diesel kerana biasanya mereka balik di waktu malam dan diesel dijual pada sebelah petang. Bila mereka balik malam, diesel telah habis. Akhirnya, mereka tidak ke laut pada besok pagi. Jadi, sehingga bilakah perkara ini akan berlanjutan? Saya harap pihak Kerajaan melalui Kementerian Pertanian ini akan dapat memikirkan, sudahlah mereka begini lama dengan tidak ada rancangan-rancangan perumahan yang sesuai bagi mereka dan ditokok tambah pula dengan beberapa kesusahan-kesusahan yang lain terutama sekali waktu berlaku musim bah dan musim-musim tengkujuh, umpamanya, mereka ini semata-mata bergantung kehidupannya kepada orang-orang tengah.

Jadi, saya harap pihak MAJUJUKAN, umpamanya, benar-benar akan mengambil alih benar-benar akan menolong kaum nelayan kita supaya keadaan-keadaannya tidak sepertimana yang sudah ada.

Selain daripada itu, Tuan Speaker, daripada apa yang saya difahamkan di dalam Semenanjung Malaysia Barat ini sahaja terdapat kira-kira 3 juta ekar tanah yang dimiliki oleh orang-orang Melayu tetapi 3 juta ekar tanah ini tidak mengeluarkan satu sen pun hasil. Ini oleh kerana di dalam

kepanyaan bumiputra yang 3 juta ekar ini, saya difahamkan ada di antara mereka yang mempunyai $\frac{1}{2}$ ekar, ada yang dua ekar dan ada yang tiga ekar. Ini dicampur, saya difahamkan berjumlah tidak kurang daripada 3 juta ekar. Tetapi tanah-tanah ini tidak mengeluarkan hasil kerana ditumbuhi olehalang dan rumput rampai. Saya harap pihak Kerajaan melalui Jabatan Pertanian memikirkan satu cara bagaimana supaya tanah-tanah ini tidak terus terbiar. Sama ada diberi satu skim yang baru di atas nama bantuan kepada tanah-tanah terbiar yang akan diberi galakan ataupun diserapkan kepada rancangan-rancangan daerah yang dinamakan Buku Hijau.

Apa yang saya tahu rancangan Buku Hijau yang ada pada hari ini ialah membenarkan rakyat memohon tanah-tanah baru iaitu memugar tanah-tanah baru, hutan-hutan baru dijadikan Buku Hijau sedangkan jika dikumpulkan seluruh Semenanjung Malaysia kita ini ada 3 juta ekar tanah yang terbiar yang tiada sebarang rancangan sama ada Buku Hijau dan sebagainya. Saya harap pihak Kerajaan akan mengambil berat atas perkara ini kerana kalau pihak Kerajaan tidak mengambil berat atas perkara ini tanah yang tiga juta ekar ini akan terbiar seterusnya hingga hari kiamat.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya ingin menyentuh sedikit berhubung dengan Kementerian Pengangkutan iaitu berhubung dengan keadaan perjalanan keretapi kita dan saya mengucapkan syabas kepada pihak Kerajaan yang telah dapat mengendalikan perjalanan Keretapi Tanah Melayu dengan begitu baik dan rapi pada hari ini jika dibandingkan dengan masa-masa yang lampau. Cuma satu yang menjadi kemuskilan pada saya dengan sebab adanya aduan-aduan, dengan sebab adanya kejadian-kejadian dan kejadian-kejadian ini kalau tidak benar-benar diawasi dan kalau dibiarkan akan melibatkan kerugian dan akan melibatkan orang ramai takut hendak menaiki keretapi iaitu dengan ada lontaran-lontaran batu yang memecahkan tingkap-tingkap keretapi dan melukakan penumpang-penumpang di dalamnya.

Saya harap pihak Kerajaan akan mengambil berat perkara ini dan ditinjau bagaimana kedudukannya di mana salahnya, adakah perkara ini dilakukan oleh hanya segelintir budak-budak nakal ataupun perkara ini sengaja dilakukan oleh badan-badan tertentu, kerosakan ini dilakukan oleh orang-

orang yang tidak ingin melihat Keretapi Tanah Melayu ini maju dan mengugut dengan adanya lontaran-lontaran seumpama itu akan menakut-nakutkan orang ramai dan tidak mahu naik keretapi maka akhirnya keretapi akan tutup.

Saya harap pihak Kerajaan dengan jentera-jentera yang ada padanya akan melakukan siasatan yang rapi dan kawalan yang rapi bagi menjaga keselamatan keretapi itu sendiri dan keselamatan penumpangnya. Dengan ini saya menyokong peruntukan yang dipohon.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat dari Ulu Trengganu.

4.23 ptg.

Tuan Alias bin Md. Ali (Ulu Trengganu): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong usul yang ada di hadapan kita ini. Saya ingin bercakap khususnya atas masalah banjir yang telah melanda negara kita baru-baru ini. Seperti yang kita maklum beberapa buah negeri telah diserang banjir. Salah sebuah negeri yang terkena banjir ialah negeri saya, negeri Trengganu, khususnya kawasan saya di Ulu Trengganu. Dalam banjir baru-baru ini kira-kira 5,000 ekar tanah padi telah musnah dan beberapa banyak ternakan kambing dan lembu telah terkorban. Begitu juga beberapa buah rumah telah musnah. Oleh itu, saya harap pihak yang berkenaan akan memikirkan segera bantuan-bantuan pemulihan supaya petani-petani, orang-orang kampung dapat diberi bantuan segera selepas banjir ini.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap atas masalah banjir ini saya tidak dapat tidak terpaksa menyebut di dalam Dewan walaupun tidak begitu menyenangkan iaitu dalam Jawatankuasa Banjir yang telah ditubuhkan pihak tentera telah diwakili sama dan dalam mesyuarat-mesyuarat yang telah diadakan pihak tentera telah menjanjikan bahawa bantuan-bantuan boat akan dikirim sebelum banjir berlaku. Inilah amalan yang telah dibuat sebelum ini iaitu sebelum banjir berlaku bot-bot tentera telah dikirim ke tempat-tempat yang strategik supaya apabila berlaku sahaja banjir perpindahan segera dapat diadakan. Malangnya, pada kali ini pihak tentera telah gagal menjalankan tugasnya dan walaupun mereka telah menjanjikan untuk mengirim bot tetapi hanya dua buah bot yang dihantar. Satu daripada bot yang

dihantar itu rosak enjinnya hanya satu yang boleh digunakan dan sebuah lagi dihantar selepas orang-orang yang dipindahkan balik ke rumah masing-masing.

Perasaan hampa yang amat sangat telah dilahirkan oleh orang-orang kampung sewaktu saya melawat kawasan-kawasan yang dilanda banjir, mereka mengatakan kalau paras air naik lebih tinggi daripada banjir tahun 1967 mungkin banyak nyawa akan terkorban oleh kerana kegagalan pihak tentera mengirinkan bot-bot yang amat diperlukan dalam masa bantuan banjir.

Tuan Pengerusi, daerah saya di Ulu Trengganu tidak banyak bot-bot yang disimpan di Pejabat Daerah. Kalau tidak salah saya ada dua bot polis dan satu bot Pegawai Daerah dan satu bot kesihatan. Inilah bot-bot yang digunakan dalam masa perpindahan kira-kira 2,000 orang dalam masa banjir dua hari melanda di kawasan saya itu. Saya harap pihak yang berkenaan di Kementerian Pertahanan akan menjalankan siasatan penuh mengenai kegagalan pihak tentera menjalankan tugasnya menyelamatkan mangsa-mangsa banjir di Ulu Trengganu dalam masa kejadian banjir baru-baru ini. Saya tidak nampak mengapa mereka boleh lalai dalam menjalankan tugas yang penting seperti ini oleh kerana kerja menyelamatkan orang-orang dalam masa banjir adalah menyentuh kehidupan nyawa manusia. Oleh yang demikian, tidak siapapun patut lalai dalam menjalankan tugasnya memindahkan mangsa-mangsa banjir dalam ketika yang dikehendaki.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi mengenai tentera ini yang patut diambil perhatian oleh pihak Kementerian Pertahanan ialah terlalu banyak red tape dikenakan ke atas penggunaan bot-bot yang dihantar. Sudahlah bot dihantar sedikit yang tidak mendapat jumlah yang dijanjikan mereka mengenakan pula berbagai-bagai red tape, misalnya, kalau kita minta bot itu dikirim ke tempat-tempat yang agak sukar mereka kata terpaksa meminta izin daripada Markas mereka di Kuala Trengganu dan ini memang masa yang lama. Begitu juga, mereka tidak boleh bertugas melebihi daripada pukul 5.30 petang oleh kerana malam mereka kata terlalu banyak risikonya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa banjir orang tidak kira pindah dalam masa siang atau malam, pagi atau petang, bila air naik

terpaksalah rakyat pindah dan bot-bot diperlukan dalam masa mereka ini hendak pindah. Jadi kalau air naik pukul 2.00 atau 3.00 pagi dan pihak tentera tidak dapat berkhidmat memindahkan rakyat apalah maknanya mereka berkhidmat kepada rakyat.

Satu perkara yang amat menghampakan saya ialah apabila bot itu dihantar dan mereka terpaksa terkandas di satu jalan oleh kerana jalan itu beberapa tempat dinaiki air dan bot tidak dapat dikirinkan ke tempat yang diperlukan maka kita telah meminta supaya bot itu dikirinkan melalui jalan lain supaya boleh melalui jalan sungai besar Sungai Utama. Jawabnya ialah sungai ini terlalu merbahaya untuk bot tentera. Jadi kami menyatakan di sana kalau air sungai begini sudah takut macam mana hendak menyeberang. Walau bagaimanapun mereka terpaksa menunggu dua hari barulah bot itu dapat dihantar ke tempat pusat gerakan perpindahan itu dan pada waktu bot itu sampai semua orang yang ada di kawasan perpindahan itu sudah balik ke rumah masing-masing. Sikap seperti ini, Tuan Yang di-Pertua, amat mengecewakan saya dan saya tidak dapat menjawab soalan yang bertalutalut yang dikemukakan oleh rakyat di kawasan ini mengapa bot tidak tiba pada waktu mereka mahu pindah. Nasib baiklah pada waktu banjir kali ini level banjirnya dua kaki lebih rendah daripada paras tahun 1967. Kalaulah tiga atau empat kaki lebih tinggi daripada paras tahun 1967 dalam keadaan ketiadaan bot tentera maka saya yakin dan saya percaya banyak rakyat di kawasan saya terkorban oleh banjir.

Saya harap pihak Kementerian yang berkenaan akan mengambil berat tentang perkara ini oleh kerana banjir adalah perkara yang berlaku setiap tahun di kawasan saya dan pada tahun ini hanya di kawasan saya sahajalah banjir berlaku di negeri Trengganu. Oleh kerana itu tidak ada sebab mengapa pihak tentera tidak boleh menjalankan tugasnya dan tidak ada sebab untuk pihak tentera berdalih-dalih menyatakan bahawa botnya terpaksa digunakan di tempat lain juga oleh kerana hanya di tempat saya sahajalah banjir pada tahun ini dan kerana itu segala kemudahan yang ada pada pihak tentera boleh dihantar ke tempat yang berkenaan itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap kalau ada banjir lagi sekali dan menurut ramalan kajicuaca dan menurut Pengurus Jawatankuasa Banjir Negara kepada saya ada ke-

mungkinan banjir akan berlaku lagi sekali pada akhir bulan ini ataupun awal bulan Januari, kalau banjir ini berlaku sekali lagi saya harap pihak tentera akan bersedialah daripada sekarang dengan bot-botnya dan janganlah hantar bot-bot yang sudah rosak enjinnya, yang tidak boleh digunakan dan janganlah dihantar bot-bot apabila orang sudah balik ke rumah masing-masing kerana tidak ada gunanya lagi. Oleh kerana operasi menyelamatkan mangsa-mangsa banjir ini bergantung bulat-bulat kepada bot, kalau tidak ada bot orang mati. Tidak makan tidak apa, dua hari orang tidak mati. Tetapi kalau tidak ada bot, orang boleh mati lemas.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

4.32 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Datin Paduka Rafidah Aziz): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bangun menyokong Rang Undang-undang ini dan juga memberi pendapat-pendapat dan juga syor-syor mengenai beberapa Kementerian-kementerian dengan tujuan untuk memperbaiki pelaksanaan Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan tersebut. Saya tidaklah hendak menjawab satu persatu kepada hujah-hujah yang dibangkitkan tetapi saya cuma akan menjawab bagi pihak Kementerian Kewangan dan juga bagi pihak Kementerian-kementerian lain beberapa perkara yang telah diutarakan oleh Ahli Yang Berhormat.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar telah membangkitkan pertamanya perkara mengenai syor pagar di Selat Teberau seperti pagar yang kita adakan di sempadan sebelah utara. Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, ini tidaklah dianggap praktik kerana bukan sahaja perairan di Selat Johor lebih kurang 23 batu panjangnya tetapi ianya mempunyai beberapa buah kuala-kuala sungai. Jadi untuk memagarkan keseluruhannya tidaklah praktik dan mungkin tidak akan mendatangkan faedah seperti yang diharapkan.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar juga telah membangkitkan perkara mengenai Kementerian Kesihatan dan dia menegur tentang keadaan Wad Kelas Tiga dan juga layanan Jururawat dan kakitangan lain di Hospital Kangar. Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, Hospital Kangar ini adalah sebuah

Hospital Besar, bukan Hospital Daerah. Mengenai layanan di Wad Kelas Tiga saya diberitahu oleh Timbalan Menteri Kesihatan sendiri bahawa beliau ada melawat wad tersebut dan wad itu tidaklah begitu buruk keadaannya sampaikan Yang Berhormat itu satu haripun tidak sanggup duduk di situ. Mengenai layanan oleh kakitangan, seperti kita sedia maklum pihak Menteri dan pihak Kementerian Kesihatan sentiasa mengingatkan kakitangan hospital supaya memberi layanan yang baik kepada orang-orang awam.

Yang Berhormat dari Kangar juga membangkitkan syor supaya Ketua-ketua Jabatan diberi kuasa untuk membuat apa-apa pembaikan kepada kerosakan di pejabat misalnya tanpa tender bagi jumlah \$5,000 ke bawah. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya memanglah kemudahan ini sudahpun diberi. Izinkan saya memetik sedikit daripada Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12/1979 yang mana dikatakan bahawa melalui surat ini "Ketua-ketua Jabatan Kerajaan adalah benar menguruskan sendiri kerja-kerja penyelenggaraan dan membaiki kerosakan-kerosakan kecil yang bernilai tidak melebihi \$5,000 bagi satu kali."

Kerja-kerja kecil ini misalnya menggantikan besen basuh tangan, membaiki alat di tingkat, juga menukar kunci pintu dan sebagainya. Belanja itu tidak melebihi \$5,000 tiap-tiap kali bolehlah dibuat oleh Ketua Jabatan. Kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan seperti ini hendaklah diberikan kepada pemborong-pemborong Bumiputra Kelas "F" yang ada berdaftar dengan Jabatan Kerjaraya. Di samping ini ada disediakan satu senarai kadar (schedule of rates) untuk menjadi panduan dan asas bagi Ketua-ketua Jabatan itu menilai jumlah atau menolong kerosakan yang hendak dibaiki itu. Jadi sudah ada peruntukan bagi Ketua-ketua Jabatan berbuat demikian.

Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah telah membangkitkan soal RELA. Di sini beliau mencadangkan, pertama, ahli RELA dibekalkan dengan senjata moden dan kedua, supaya ahli RELA bertugas sepenuh masa. Setakat ini pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri menganggap bahawa jenis senjata yang dibekalkan sekarang kepada ahli RELA adalah memadai memandangkan tugas-tugas biasa yang dijalankan oleh mereka. Tetapi di samping itu pihak Kementerian ada juga mengatur rancangan-rancangan supaya ahli-ahli RELA ini dapat

diberi latihan supaya dapat memahirkan mereka untuk menggunakan dan mengendalikan senjata-senjata yang lebih moden. Mengenai bertugas sepenuh masa pula buat masa sekarang tidaklah timbul keperluan ahli-ahli RELA berbuat demikian.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh telah membangkitkan bahawa prestasi agensi-agensi Kerajaan patutlah diteliti sebelum diberi peruntukan. Ini memang dibuat dari masa ke semasa oleh pihak Kementerian Kewangan dan juga lain-lain agensi yang mengendalikan ataupun yang ada bidang kuasa ke atas agensi-agensi Kerajaan. Tidaklah diberi kewangan dengan begitu sahaja.

Tentang soal tanah untuk SEDC dan seterusnya, sukacitalah saya menegaskan bahawa soal tanah adalah soal Kerajaan Negeri. Jadi di sini Kerajaan Negerilah diharapkan mendapat perhatian dari segi ini.

Tentang komen-komen mengenai perkhidmatan telefon di luar bandar, pihak Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos sudahpun membuat kajian untuk meluaskan penggunaan telefon di kawasan luar bandar; dan telefon terus ke Sabah dan Sarawak khususnya akan dilancarkan pada awal tahun depan apabila mulanya operasi submarine cable yang sudahpun siap dan sekarang ini sedang menjalani ujian (testing). Tentang apakah faedah dari segi satelite PALAPA, ada keuntungannya. Misalnya, dia dapat memperbanyakkan circuit-circuit supaya mudah dibuat perhubungan dan supaya tidak berlaku kesesakan ataupun congestion di dalam circuit-circuit yang ada.

Ahli Yang Berhormat dari Pontian telah membangkitkan soal pelajaran khususnya masalah pelajar-pelajar kita di luar negeri. Saya percaya kita semua telahpun mendapat maklum balas daripada usaha-usaha yang telah dijalankan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran untuk bukan sahaja mengekalkan bilangan tempat-tempat yang dikhaskan untuk pelajar-pelajar kita di luar negeri tetapi juga mengadakan rancangan-rancangan dengan Kerajaan-kerajaan asing ini mengenai soal pembayaran untuk pelajar-pelajar yang belajar di sana. Kita tahu bahawa Dewan ini juga telahpun diberi penerangan tentang kedudukan terakhir dalam perkara ini.

Ahli Yang Berhormat dari Damansara telah membangkitkan soal \$100,000 peruntukan itu, ini tidak payalah saya menerangkan lagi kerana sudah berulang kali diterangkan bukan sahaja oleh Yang Berhormat Mulia

Menteri Kewangan tetapi juga oleh lain-lain Menteri yang ada berkaitan dengan perkara ini. Dan tentang masalah pengangkutan di bandaraya iaitu di Wilayah Persekutuan, ini memang sentiasa di dalam perhatian Kementerian Wilayah Persekutuan dan juga Kementerian Pengangkutan sendiri.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka membangkitkan sama ada Kumpulanwang Simpanan Pekerja hanya bertugas sebagai pemijam kepada Kerajaan dan tidak ada memberi faedah kepada pekerja-pekerja yang mencarum. Saya ingin menyangkal tuduhan ini. Sebenarnya Kumpulanwang Simpanan Pekerja itu memang ditubuhkan untuk menjadi satu saluran kepada mana pekerja-pekerja membuat caruman dan di samping itu majikan juga membuat caruman supaya caruman ini dapat berkembang melalui pelaburan yang dibuat oleh Kumpulan Simpanan Pekerja dan pada akhir tempohnya akan dipulangkan balik kepada pekerja-pekerja yang telah cukup tempoh menerimanya dengan dividen atau faedah yang diberi yang berkumpul dari setahun ke setahun. Dan memang tidak boleh dinafikan bahawa seperti di negara-negara lain juga, agensi-agensi seperti Kumpulanwang Simpanan Pekerja memang merupakan satu sumber pinjaman yang besar kepada mana-mana Kerajaan yang ada mewujudkan KWSP seperti kita di sini. Dan bukan sahaja satu sumber pinjaman yang besar tetapi juga satu sumber pinjaman yang tidak membawa inflasi (non-inflationary source of financing). Ini penting bagi sebuah negara membangun seperti Malaysia. Dan kita memang tahu bahawa KWSP ini melalui masa telah ada menceburkan diri dalam projek-projek yang dengan secara langsung memberi faedah kepada pencaruman-pencarumannya. Misalnya dengan wujudnya skim menubuhkan Tabung Kewangan untuk mengadakan perumahan kos rendah bagi pencarum-pencarum bersama dengan Bank Negara.

Inginlah saya menegaskan di sini bahawa oleh kerana KWSP ini menerima caruman-caruman daripada pekerja dan majikan untuk tujuan jaminan masa depan (future security) pencarum-pencarum ini maka sangatlah penting apa juga pelaburan yang dibuat oleh Kumpulanwang Simpanan Pekerja ini dibuat dengan cara terselamat dan kita tahu bahawa dalam Akta KWSP itu sendiri diperuntukkan ke mana boleh dipelaburkan wang ini supaya tidak terjejas kedudukan pencarum-pencarum dari segi

wang mereka dipelaburkan oleh KWSP. Seperti yang kita maklum pelaburan ke dalam security Kerajaan memanglah satu daripada sumber atau saluran pelaburan yang terjamin bagi KWSP dan bagi wang-wang pencarum kepada KWSP.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka juga menegur tentang cara Kerajaan mengambil tindakan terhadap apa yang dianggap sebagai kegagalan agensi Kerajaan yang mana beliau juga mengaitkan kononnya kegagalan agensi Kerajaan ini menunjukkan kegagalan Kerajaan sendiri mentadbirkan perniagaan dan sebagainya. Pada asasnya tidaklah boleh kita persetujuan bahawa bila satu agensi Kerajaan itu gagal, bila satu syarikat Kerajaan itu gagal maknanya Kerajaan gagal mentadbirkan. Kalau kita perhatikan bagi negara kita ini dikatakan Kerajaan sebagai badan yang memerintah itu, Kerajaan telah menunjukkan rekod yang begitu baik, yang saya rasa susah juga hendak ditandingi bukan sahaja Kerajaan mentadbirkan badan-badan berkanun dan sebagainya tetapi telah menunjukkan rekod yang baik mentadbirkan negeri dan mentadbirkan ekonomi. Jadi janganlah kita anggap bahawa oleh kerana ada tiga, empat badan-badan Kerajaan yang gagal maka ini sudah menjadi satu perkara mencerminkan Kerajaan keseluruhannya gagal. Ini tidaklah benar dan tidak boleh diterima.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kegagalan badan-badan Kerajaan, syarikat-syarikat Kerajaan kita memang boleh dikesan dan boleh dikenal sumber atau punca kegagalannya. Misalnya kerap kali kita kesan punca kegagalan badan-badan ini atau syarikat-syarikat ini ialah kurang kecekapan pengurusan ataupun operasi badan itu atau syarikat itu tidak berpandu kepada pendekatan-pendekatan perniagaan yang dianggap baik atau cekap. Dan juga kadang-kadang timbul akibat unsur-unsur kemanusiaan itu sendiri atau boleh dikatakan kesilapan-kesilapan atau kelemahan-kelemahan yang punca dari kemanusiaan dan boleh dikatakan bahawa bukan sahaja pihak Pembangkang yang curiga tentang ini, ataupun yang kesal ataupun yang risaukan perkara ini bahkan boleh dikatakan semua Ahli-ahli Yang Berhormat di sini yang bangun telah menegur bahkan Kerajaan sendiri amatlah sedar tentang perkara ini dan apa juga langkah yang sewajarnya akan terus diambil supaya bagi badan-badan berkanun yang ada yang mungkin akan ditubuhkan akan berjalan mengikut

lunas-lunas yang tertentu supaya tidak mendatangkan kegagalan. Dan tidak benar bahawa oleh kerana kita tidak adakan white paper, tidak adakan jawatankuasa terbuka, jawatankuasa bebas untuk mengkaji badan-badan berkanun yang gagal ini maka Kerajaan hendak coldstoragekan segala kesilapan, tidak benar sama sekali. Bahkan kita semua tahu mana badan berkanun yang gagal itu suratkhbar dahulu publicisekan kegagalannya. Jadi tidak pernah ada usaha hendak menutupkan kegagalan tetapi apa yang dibuat ialah dengan kemampuan yang ada pada Kerajaan sendiri sama ada melalui jawatankuasa dalam Kementerian, jawatankuasa antara Kementerian atau jawatankuasa antara jabatan memang ada kemampuan dalam Kerajaan sendiri untuk bukan sahaja meneliti dan mengesan di mana punca-punca kegagalan tetapi juga untuk mengatasinya. Jadi setakat ini tidaklah perlu lagi ditubuhkan jawatankuasa bebas untuk mengkaji mana-mana badan berkanun yang telah gagal ataupun yang disangka menghadapi kegagalan buat masa sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Ulu Trengganu ada membangkitkan soal masalah banjir yang mana mengikut beliau ada terdapat rasa tidak puas hati mengenai banjir yang berlaku di Ulu Trengganu. Sebagai seorang Ahli Jawatankuasa Bantuan Banjir Peringkat Kebangsaan, saya akan mengambil perhatian perkara ini untuk dibawa balik kepada Jawatankuasa meneliti sama ada apakah sebabnya perkara itu berlaku dan mengesyorkan supaya tidak lagi berulang jika boleh dielakkan perkara-perkara seperti itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itulah sahaja yang hendak saya bangkitkan, mana-mana perkara yang saya tidak sentuh saya bolehlah beri jamin bahawa ini telahpun dirakamkan oleh sama ada pegawai-pegawai yang hadir daripada Kementerian yang lain dan juga rakan-rakan saya daripada Kementerian yang hadir untuk diambil perhatian di mana yang patut mungkin diambil sebagai asas kepada tindakan selanjutnya di masa hadapan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan.

Bahawa Usul yang berikut ini dirujukkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, menurut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan, 1966 membuat ketetapan bahawa sejumlah wang tambahan sebanyak tidak lebih daripada \$219,547,830 diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun Kewangan 1979, bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (projek) seperti yang dinyatakan dalam ruangan pertama dan kedua penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 29 Tahun 1979, dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (projek) dalam ruangan sepuluh dan sebelas.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri yang berkaitan di Jabatan Perdana Menteri untuk mengemukakan Anggaran Perbelanjaan bagi Kementeriannya.

Maksud B. 5 dan B. 8 (Jadual)—

4.48 ptg.

Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Pengerusi, saya bangun bagi mengusulkan supaya Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama 1979 berjumlah \$28,608,468 bagi Jabatan-jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri diluluskan dan menjadi sebahagian daripada Jadual.

Peruntukan Tambahan yang dikehendaki bagi Maksud-maksud Bekalan berkenaan adalah seperti berikut:

Maksud B. 5—Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Tambahan peruntukan sebanyak \$1,923,468,000 adalah diperlukan. \$1,556,468 daripada jumlah yang dikehendaki adalah untuk mencetak 7 juta borang permohonan berikutan dengan gerakan Operasi Isi Penuh yang sedang dijalankan. Tambahan yang selebihnya sebanyak \$367,000 adalah dikehendaki berkaitan dengan penambahan kakitangan di Ibu Pejabat Persekutuan dan Urusetia Cawangan di negeri Sabah dan Sarawak. Sejumlah 48 jawatan baru telah diwujudkan untuk melicinkan lagi penyelenggaraan tugas dan tanggungjawab Suruhanjaya.

Maksud B. 8—Jabatan Perdana Menteri

Tambahan yang diperlukan adalah sebanyak \$26,685,000. Sebahagian besar daripada tambahan ini adalah di bawah Butiran (Kod) 4100, Bayaran Pindahan, iaitu \$20 juta untuk tambahan subsidi projek-projek kecil pembangunan, \$500,000 untuk Yunit Khidmat Bimbingan Pernas-Edar, \$450,000 untuk sumbangan kepada Yunit Latihan Perkapalan dan \$1 juta adalah peruntukan bantuan pinjaman untuk menyediakan kemudahan kepada peniaga-peniaga kecil.

Sebanyak \$3.374 juta adalah untuk membiayai pembelian segala alatan set pinggan mangkuk yang sesuai untuk kegunaan Jamuan Rasmi Kerajaan dan Yang Berhormat Menteri-menteri bagi seramai 1,850 orang.

Peruntukan sebanyak \$1.139 juta adalah perbelanjaan yang diperlukan untuk mewujudkan Pasukan Petugas Pendatang Haram di peringkat Persekutuan dan Negeri di bawah Majlis Keselamatan Negara. Tambahan selebihnya sebanyak \$222,000 adalah untuk menampung perbelanjaan pengurusan projek yang tidak dapat dielakkan.

Tuan Pengerusi, saya mengusulkan supaya Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama tahun 1979 diluluskan dan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B. 5 hingga B. 8 berjumlah \$28,608,468 sekarang ini di bawah Jabatan Perdana Menteri terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

4.53 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Pengerusi, saya suka merujuk kepada Kertas Perintah 28 tahun 1979, muka surat 6 atas perkara pemberian dan berkenaan bayaran tetap, Butiran (Kod) 4100, Bayaran Pindahan, Aktiviti (3)—Penyelarasan Perlaksanaan.

Tuan Pengerusi, daripada Kertas Perintah ini, saya mengetahui bahawa sebanyak \$1 juta dalam bentuk pinjaman ialah untuk menyediakan kemudahan dan bantuan kepada peniaga-peniaga kecil. Saya mengalu-alukan bantuan ini untuk peniaga-peniaga kecil yang memainkan satu peranan yang penting, bukan

membolehkan mereka mendapat lebih kemudahan yang baik untuk menjalankan perniagaan mereka. Peniaga-peniaga kecil boleh memainkan satu peranan yang penting bukan sahaja membantu Kerajaan dalam menyelesaikan masalah pengangguran tetapi mereka juga dapat menjalankan satu perkhidmatan yang berguna kepada masyarakat, terutamanya pada masa inflasi ini dengan menyediakan makanan-makanan yang murah. Bagaimanapun saya berharap bahawa Kerajaan akan terus memberikan mereka bantuan lagi.

Saya ingin mencadangkan bahawa di bawah Rancangan Malaysia Keempat, Jabatan Perdana Menteri dapat menyediakan satu peruntukan yang lebih besar jika dibandingkan dengan peruntukan \$30 juta di bawah Rancangan Malaysia Ketiga bagi memperbaiki kemudahan-kemudahan untuk semua, peniaga-peniaga kecil tanpa mengira kaum, terutamanya saya ingin mengesakan supaya satu peruntukan besar diberi untuk peniaga-peniaga kecil dalam Wilayah Persekutuan memandangkan bilangan mereka yang besar di Kuala Lumpur ini.

Tuan Pengerusi, satu perkara lagi yang saya ingin sentuh ialah mengenai muka surat 7, di mana di sini ada dijelaskan bahawa tambahan sebanyak \$20 juta adalah dikehendaki bagi membiayai perbelanjaan melaksanakan beberapa buah projek kecil tambahan serta lain-lain perbelanjaan Mengurus bagi tahun 1979. Di sini suka saya bertanya Yang Berhormat Menteri kalau dapat menjelaskan sedikit mengenai apakah projek-projek kecil yang disebut dalam Kertas Perintah ini.

Berhubung dengan perkara yang sama, saya suka menyatakan di sini bahawa apabila melaksanakan projek-projek kecil bahawa pelaksanaan ini patutlah didasarkan kepada keperluan rakyat dan tidak di atas pertimbangan-pertimbangan politik. Misalnya, saya beri satu contoh, projek-projek ini tidak harus ditumpukan kepada satu-satu kawasan pilihanraya Barisan Nasional sahaja tetapi juga meliputi kawasan-kawasan pilihanraya yang dimenangi oleh Ahli-ahli Parlimen dari Pembangkang. Ini oleh kerana wang pembayar-pembayar cukai dan projek-projek itu haruslah pula didasarkan kepada keperluan pembayar-pembayar cukai.

Satu perkara yang akhir saya ingin sentuh ialah mengenai muka surat 6, Butiran (Kod) 4100, Aktiviti (15)—Pusat Latihan Perkapalan. Mengenai perkara ini, saya suka

menyentuh satu kenyataan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini di Mesyuarat Kelima Jawatankuasa Asia Timur Daftar Perkapalan Lloyd bahawa para usahawan tempatan patut merebut peluang yang diberikan oleh Kerajaan untuk membesarkan perkhidmatan perkapalan dalam negeri ini. Oleh sebab ini adalah satu hal yang ada berkaitan dengan apa yang telah disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, maka saya suka mengambil kesempatan ini untuk membuat beberapa syor mengenai perkara latihan perkapalan.

Saya suka menyatakan di sini bahawa keinginan untuk mempunyai satu daftar terbuka di samping daftar kebangsaan boleh mendorong banyak kapal-kapal yang didaftarkan di Malaysia dikaji memandangkan kepada kelayakan-kelayakan yang tidak begitu menarik yang diperuntukkan oleh Akta Perkapalan Perdagangan (Pindaan dan Tambahan), 1977 bagi menggerakkan pemilik-pemilik kapal mendaftarkan kapal-kapal mereka di negara ini.

Yang kedua, pembina-pembina kapal di negara ini merasai bahawa untuk memperlakukan kemampuannya dan untuk menarik mereka mendapatkan pesanan-pesanan luar negeri, cukai eksais dan cukai tambahan (surtax) ke atas barang-barang dan alat-alat yang diimpot untuk pembinaan kapal haruslah dikecualikan. Pada masa ini pengecualian hanyalah diberi untuk pembina-pembina kapal dalam negara yang mengendalikan kontrek-kontrek Kerajaan. Ini juga dilihat sebagai tidak adil oleh kerana kontrek-kontrek Kerajaan biasanya diberikan kepada satu atau dua limbungan di mana Kerajaan mempunyai pelaburan secara terus.

Tuan Pengerusi, memandangkan bahawa industri pembinaan kapal boleh menjadi satu industri eksport, adalah baik ditimbangan dalam memberikan insentif yang sesuai bagi menolong atau menjadikan industri itu lebih bersaing (competitive) lagi dan memperbaiki kemampuannya.

Usaha-usaha haruslah ditingkatkan lagi kerana penyediaan kemudahan-kemudahan bunker di Port Kelang oleh kerana ini perlu dalam membantu kapal-kapal yang didaftarkan di Malaysia mendapatkan bahan api tempatan. Kerajaan haruslah seboleh-bolehnya memperuntukkan subsidi bahan api seperti mana hanya bahan api bunker meningkat

naik dengan cepatnya dan kemudiannya memberi kesan belanja mengurus kapal-kapal di seluruh dunia.

Yang akhirnya, saya suka menyentuh di sini bahawa sejak negara kita Malaysia melaksanakan Kod 40:40:20 UNCTAD secara teori, ia mesti mempunyai sekurang-kurangnya 4 juta tan dead weight sebagai membantu kepercayaan kepada kod itu. Yang ada sekarang ialah hanya 1.3 juta tan dead weight yang termasuk tan dead weight kapal-kapal MISC yang belayar di kawasan persisiran Malaysia. Walau bagaimanapun adalah menjadi minat ramai untuk mengetahui bagaimanakah kod ini akan dilaksanakan oleh Malaysia iaitu sama ada pedagang yang menyeberang akan dibenarkan mengibarkan bendera Malaysia dan sama ada satu matlamat telah ditentukan yang mana suatu tan dead weight akan dicapai.

Tuan Pengerusi: Saya jemput Yang Berhormat Menteri menjawab.

5.02 ptg.

Dato Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah memberi beberapa pandangan dalam perkara yang saya telah sampaikan dalam Rang Undang-undang ini.

Berhubung dengan peniaga-peniaga kecil yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, memang Kerajaan mempunyai hasrat untuk membaiki lebih baik lagi peniaga-peniaga kecil sehingga Kerajaan memberi bantuan dan pinjaman kepada peniaga-peniaga kecil bukan sahaja di Wilayah Persekutuan ini tetapi juga di bandar-bandar di seluruh negara dan Kerajaan akan mengkaji dari satu masa ke satu masa bagaimana perlunya diberi bantuan dan bimbingan kepada peniaga-peniaga kecil ini. Dengan hal yang demikian sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu juga telah memberi satu sumbangan kepada orang-orang membeli barang-barang daripada peniaga-peniaga kecil dan juga akan boleh mengurangkan unemployment di dalam bandar yang besar-besar.

Berhubung dengan projek perkapalan yang telah dibangkit oleh Ahli Yang Berhormat itu, saya rasa saya tidak sedia memberi penjelasan yang lanjut kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menjawab

masalah ini. Walau bagaimanapun syor-syor yang telah diberi oleh Ahli Yang Berhormat itu akan diambil pandangan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$1,923,468 untuk Maksud B. 5 dan \$26,685,000 untuk Maksud B. 8 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan untuk mengemukakan Anggaran Perbelanjaan bagi Kementerianya.

Maksud B. 22 (Jadual)—

5.04 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan (Tuan Abdullah bin Haji Ahmad): Tuan Pengerusi, saya bangun mengemukakan supaya peruntukan tambahan bagi Kementerian Wilayah Persekutuan bagi tahun 1979 berjumlah \$452,604 di bawah Kepala Belanja Mengurus B. 22 diluluskan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi, Anggaran Belanja Mengurus Tambahan, 1979 sejumlah \$452,604 itu adalah dikehendaki bagi membiayai perbelanjaan mengurus Kementerian ini. Dari jumlah \$452,604 sebanyak \$220,469 bagi membeli alat-alat kelengkapan seperti perabut dan juga bagi mengubahsuai serta membuat sekatan ruang pejabat dan lain-lain perbelanjaan mengurus bagi Kementerian ini disebabkan beberapa pengujudan jawatan baru di Kementerian ini. Bakinya sebanyak \$232,135 adalah diperlukan bagi peruntukan emolument juga berikutan dengan pengujudan jawatan baru di Kementerian ini.

Tuan Pengerusi, saya mohon anggaran peruntukan tambahan bagi Kementerian Wilayah Persekutuan bagi tahun 1979 berjumlah \$452,604 diluluskan dan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B. 22 berjumlah \$452,604 di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan terbuka sekarang ini untuk dibahas.

Saya jemput Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

5.06 ptg.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Pengerusi, saya bercadang untuk bercakap secara ringkas. Merujuk kepada muka surat 8, Kertas Perintah 28 tahun 1979, tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen telah menjelaskan bahawa tambahan sebanyak \$452,604 adalah dikehendaki bagi membiayai perbelanjaan mengurus Kementerian yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, memandangkan bahawa jumlah ini diperlukan bagi membiayai belanja mengurus untuk Kementerian yang berkenaan bagi tahun 1979, saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kepada perlunya pegawai-pegawai Kementerian dapat ditinggikan kecekapan dari segi pentadbiran dan saya suka menggunakan kesempatan ini untuk mengemukakan satu syor mengenai masalah setingan di Wilayah Persekutuan.

Saya suka mencadangkan bahawa Kementerian yang berkenaan patutlah menubuhkan satu unit penyelarasan atau coordinating unit dalam Kementerian berkenaan bagi menyelaraskan penempatan semula setingan-setingan. Tujuan unit ini ialah untuk menolong setingan-setingan yang bergantung ke atas tanah untuk bertanam atau berternak, untuk mencari tanah tempat lain bagi meneruskan penghidupan mereka di samping mereka yang memerlukan rumah-rumah pangsa diberikan mereka itu rumah pangsa.

Saya juga ingin menarik perhatian Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kepada dua masalah yang sedang berlaku pada masa ini iaitu:

Pertama, bahawa lebih kurang 69 keluarga di Batu 4½, Jalan Kelang Lama yang masih tidak berumah selepas satu kejadian kebakaran yang berlaku pada 16hb Oktober tahun ini yang sangat memerlukan bantuan Kementerian untuk mencari mereka tempat kediaman atau menolong mereka membina semula bangunan sementara di atas tapak kawasan yang terbakar itu.

Kedua, saya juga ingin menggesa Kementerian berkenaan untuk membantu dalam penempatan semula setingan-setingan yang mendiami kawasan yang sering dilanda banjir di Bandaraya. Satu contoh yang baik ialah keluarga setingan yang mendiami di kawasan bekas lombong di Batu 3½ Jalan Sungai Besi oleh kerana baru-baru ini oleh sebab masalah banjir

berlaku dan akibatnya kebanyakan setinggan berkehendakkan bantuan daripada pihak Dewan Bandaraya iaitu untuk mendapatkan rumah pangsa, akan tetapi permintaan mereka telah ditolak. Saya harap Yang Berhormat Setiausaha Parlimen dapat menggunakan jasa baiknya untuk membantu setinggan berkenaan mendapatkan rumah pangsa untuk tempat kediaman mereka.

Tuan Pengerusi: Saya jemput Yang Berhormat Setiausaha Parlimen untuk menjawab.

5.10 ptg.

Tuan Abdullah bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar atas tegurannya terhadap Kementerian Wilayah Persekutuan berhubung dengan penyelarasan pentadbiran setinggan-setinggan dan penempatan semula setinggan-setinggan terutamanya setinggan yang menjadi mangsa banjir.

Saya suka maklumkan bahawa unit penyelarasan dan pembangunan setinggan sudah pun ada tetapi ditempatkan di Dewan Bandaraya. Walau bagaimanapun, hal-hal yang berhubung dengan pembangunan setinggan dan penempatan semula setinggan itu adalah sudah menjadi satu tanggungjawab kepada Kementerian Wilayah Persekutuan yang sentiasa memainkan peranan sebagai penyelarasan dalam hal ini. Di Kementerian Wilayah Persekutuan telahpun diwujudkan satu Jawatankuasa bagi menyelaras hal-hal berhubung dengan setinggan itu. Saya sendiri adalah menjadi Pengerusinya dan dibantu oleh Ketua Setiausaha sebagai Naib Pengerusi. Jawatankuasa ini dianggotai oleh pegawai-pegawai dari Kementerian dan dari Bandaraya dan juga dari Jabatan-jabatan lain dalam Wilayah Persekutuan yang ada hubungan dengan masalah setinggan itu.

Dalam soal hendak memberi jasa baik kepada setinggan-setinggan itu adalah menjadi kebiasaan saya menghulurkan jasa baik kepada setinggan yang ada dalam Wilayah Persekutuan ini apabila mereka menghadapi masalah tertentu. Tetapi saya harap Ahli Yang Berhormat dapat juga faham bahawasanya kemampuan dan kemudahan yang ada kepada Kerajaan sama ada kepada pihak Dewan Bandaraya atau Kementerian Wilayah Persekutuan khususnya adalah kemudahan yang terhad. Di dalam keadaan-keadaan semupama itulah biasanya kejadian ada di

antara setinggan-setinggan yang memohonkan pertolongan ataupun kemudahan yang diperlukan itu tetapi tidak mendapatnya. Walau bagaimanapun, tentang aspek pembangunan setinggan, meninggikan taraf hidup mereka dan environment mereka itu adalah menjadi satu tanggungjawab yang diberi keutamaan yang tinggi oleh Kementerian Wilayah Persekutuan dan agensi kanannya iaitu Dewan Bandaraya.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$450,604 untuk Kepala B. 22 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Kementerian Pertanian untuk mengemukakan Anggaran Perbelanjaan bagi Kementeriannya.

Maksud B. 24 (Jadual)—

Maksud P. 24 (Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3), 1979).

5.15 ptg.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Edmund Langgu anak Saga): Tuan Pengerusi, saya memohon izin membentangkan Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama 1979 dan Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga, 1979 bagi Kementerian Pertanian seperti berikut:

Tambahan Anggaran Mengurus sebanyak \$1,381,560 dikehendaki bagi tahun 1979 untuk perkara seperti berikut:

\$975,242 dikehendaki untuk membayar pampasan kepada penternak-penternak di negeri Kelantan, Kedah, Perlis, Perak dan Johor yang ternakan-ternakan mereka mati dimusnahkan akibat penyakit kuku dan mulut dalam kempen tahun 1978 dan 1979.

\$406,318 bagi menampung perbelanjaan memasang sistem Ibusawat Telefon untuk bangunan baru Kementerian ini serta semua bahagian-bahagian di Kompleks Kementerian Pertanian di Jalan Swettenham.

Tambahan Anggaran Pembangunan sebanyak \$5,800,000 dikehendaki bagi tahun 1979 untuk perkara-perkara berikut:

\$5 juta dikehendaki bagi membolehkan Jabatan Pembangunan Koperasi memberikan pinjaman kepada koperasi-koperasi

yang mempunyai potensi untuk meluaskan usaha-usahanya tetapi tidak dapat berbuat demikian kerana kekurangan modal dan tidak dapat meminjam daripada punca-punca lain.

\$800,000 bagi membiayai projek mengorek alur Sungai Tumpat di Kelantan yang bertujuan untuk memudahkan lagi lalu lintas bot-bot nelayan yang menggunakan sungai tersebut.

Tuan Pengerusi, saya memohon peruntukan tambahan bagi tahun 1979 terdiri dari Belanja Mengurus sebanyak \$1,381,560 dan Belanja Pembangunan sebanyak \$5,800,000 sepertimana dibentangkan.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala B. 24 berjumlah \$1,381,560 dan Kepala P. 24 berjumlah \$5,800,000 di bawah Kementerian Pertanian, sekarang ini terbuka untuk dibahas. Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah.

5.17 ptg.

Tuan Hussein bin Mahmood (Tanah Merah): Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Kertas Perintah 28 Tahun 1979 muka surat 9 mengenai Butiran (Kod) 4200—(2) Pertanian, di bawah (c) Haiwan. Pertama sekali saya mengucapkan terima kasih kepada pihak Kementerian Pertanian yang begitu cepat sekali mengambil langkah bagi mengatasi wabak penyakit kuku dan mulut yang menjadi satu malapetaka kepada beberapa negeri termasuk negeri Kelantan pada tahun 1978 yang lepas. Dalam hal ini saya minta sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan, yang pertama sekali adakah wang yang diminta sebanyak \$975,242 sebagai tuntutan ganti rugi kepada penternak-penternak akibat penyakit tersebut telahpun semuanya dijelaskan ataupun dibayarkan kepada penternak-penternak yang terlibat.

Perkara kedua, Tuan Pengerusi, saya ingin mencadangkan kepada pihak Kementerian berkenaan supaya bersiap sedia dalam masalah ini iaitu pada masa hadapan kita tidak lagi tergesa-gesa mengambil langkah yang kadang-kadang tidak begitu mendapat sokongan daripada tuan-punya lembu-kerbau atau ternakan yang telah ditembak atau dimusnahkan pada waktu yang tersebut itu. Saya minta, Tuan Pengerusi, supaya Kementerian Pertanian mengadakan satu penye-

lidikan, mencari bahan ubatan yang perlu bagi mengatasi soal penyakit kuku dan mulut itu.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, butiran (Kod) 4200 adalah berkaitan Tuntutan Insurans dan Pampasan. Kalau boleh Ahli Yang Berhormat tumpukan kepada hal ini, tidak kepada lain hal.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Pengerusi, merujuk kepada tajuk yang sama oleh sebab pampasan ini terpaksa diberikan kepada petani-petani yang terpaksa hilang lembu-kerbau mereka, maka saya mencadangkan untuk masa hadapan supaya kehilangan lembu-kerbau dikurangkan sedikit, maka usaha-usaha hendaklah dijalankan supaya kita jangan mengatasi soal ini dengan cara memusnahkan ternakan tersebut tetapi dengan cara cuba mengelakkan daripada penyakit tersebut. Kerana pada peringkat awalnya pemusnahan itu terpaksa dibuat terhadap lembu-kerbau yang terdapat dalam kawasan 200 ela radius di mana kalau terdapat seekor lembu atau kerbau yang terlibat maka semuanya yang lain dalam 200 ela yang tersebut terpaksa dimusnahkan tanpa diperiksa sama ada lembu-lembu yang termasuk di dalam kawasan radius 200 ela itu benar-benar telah dihingapi penyakit tersebut. Jadi sudah sampai masanya kita menubuhkan satu bahagian untuk mencari ubat-ubat kalau pun belum lagi, kalau sudah ada saya rasa sudah sampai masanya kita menubuhkan satu kawasan di mana boleh dikatakan sebagai hospital ataupun sebagai tempat mengubat penyakit-penyakit yang berkenaan sebagaimana juga pernah dibuat oleh Kementerian ini untuk mengkuarantinkan lembu-kerbau yang dibawa masuk dari luar untuk menjamin penyakit-penyakit tidak merebak.

Satu perkara lagi, saya merujuk kepada Kertas Perintah 30 tahun 1979 yakni P. 24, Butiran (Projek) 102—Rancangan-rancangan Mencegah Banjir, Kelantan.

Dalam bahagian ini, Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri yang berkenaan adakah ini juga dimaksudkan pengaliran sungai setakat di muka kuala Tumpat sahaja ataupun termasuk semua kawasan-kawasan beberapa batu ke atas daripada muara sungai tersebut. Kalau sekiranya ini hanya terhad kepada kawasan muara sahaja dan oleh sebab perkara ini telahpun dilaksanakan, saya ingin bertanya

kalau dapat Timbalan Menteri berkenaan memberitahu di Dewan yang mulia ini pada petang ini sudahkah dibuat satu pengkajian penilai terhadap kerja-kerja yang dibuat tersebut sama ada kerja-kerja tersebut sejauh mana kesannya kerana sebagaimana kita maklum, pantai di kawasan Pantai Timur terutama sekali Tumpat dan begitu juga tempat-tempat lain di kawasan Pantai Timur adalah terdedah kepada angin monsoon saban tahun. Jadi mungkin selepas dilanda monsoon sekurang-kurangnya sekali setahun, muka kuala tersebut akan tertimbus kembali. Tuan Pengerusi, saya minta Timbalan Menteri berkenaan supaya dapat memberitahu sama ada perkara ini benar-benar berkenaan atau tidak, dan kalau sekiranya perkara ini tidak berkesan dengan peruntukan sebanyak \$800,000 yang diperlukan itu, saya rasa adalah perlu saya mencadangkan supaya sebuah kapal korek yang tetap hendaklah diletakkan di muara sungai-sungai di Kelantan bukan sekadar kita mempunyai sebuah dredge atau kapal korek untuk seluruh muara-muara pantai di kawasan Pantai Timur daripada Kelantan sampai ke Johor sebagaimana yang kita punyai setakat hari ini.

5.24 ptg.

Tuan Hashim bin Endut (Ulu Muda): Tuan Pengerusi, ingin saya mengambil bahagian di dalam perbincangan berkenaan Kertas Perintah 28 tahun 1979 Maksud B. 28—Kementerian Pertanian.

Tuan Pengerusi, saya memang sokong penuh di atas tambahan perbelanjaan sebanyak \$1,381,560 sepertimana yang diminta oleh Kementerian ini. Ini adalah satu tambahan yang sangat-sangat mustahak ditambahkan kepada Kementerian ini kerana sepertimana kita sedia maklum di dalam masa wabak penyakit kuku dan mulut yang ditimpa kepada negara kita baharu-baharu ini kita ingin merakamkan penghargaan yang tinggi kepada Kementerian dan juga keseluruhan pegawai-pegawai yang bertugas berkenaan dengan mencegah penyakit tersebut terutama sekali mereka di negeri Perlis, Kedah, Perak dan juga Kelantan. Tenaga mereka yang dicurahkan begitu banyak, begitu bertungkus-lumus untuk menghapuskan penyakit ini sangat-sangatlah dihargai oleh Dewan yang mulia ini.

Tuan Pengerusi, penyakit ini telahpun reda sekarang dan kita percaya kalaulah tidak ada kerja yang begitu gigih daripada Menteri sehingga pegawai-pegawai maka

sudah tentu penyakit ini akan merebak ke seluruh negara kita yang kita cinta ini. Tuan Pengerusi, penyakit ini wujud kerana kita percaya penyeludupan binatang-binatang banyak berlaku daripada utara Semenanjung.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, perkara tentang penyakit ini adalah Butiran (Kod) 4200—Tuntutan Insuran dan Pampasan dan tidak menyeluruh, kalau boleh Ahli Yang Berhormat tumpukan kepada perkara itu.

Tuan Hashim bin Endut: Terima kasih, Tuan Pengerusi, saya menyentuh berkenaan dengan Butiran (Kod) 4200. Berkenaan dengan Pertanian, Pecahan (c) Haiwan. Berhubung dengan penyakit tersebut sepertimana kita sedia maklum banyak penyeludupan berlaku terutama sekali daripada negara jiran kita Thailand. Binatang-binatang ternakan dimasukkan ke negara kita begitu bebas maka berkewajipanlah bagi Kementerian ini mencegah bersungguh-sungguh supaya penyakit itu tidak berulang lagi di masa-masa akan datang.

Tuan Pengerusi, oleh kerana banyak binatang-binatang telah dimusnahkan dengan adanya wabak penyakit mulut dan kuku itu maka saya berharap pihak Kementerian ini supaya menambahkan binatang-binatang yang berbaka baik kepada mereka yang mendapat kemalangan penyakit ini. Kerana sepertimana kita sedia maklum di dalam negeri kita ini binatang ternakan semakin sehari semakin kurang maka sudah tibalah masanya bagi Kementerian ini untuk menambahkan ternakan-ternakan itu terutamanya sekali di negeri-negeri di utara Semenanjung yang mana kita percaya penternak-penternak memang berkehendak dan menunggu-nunggu binatang-binatang yang akan diberi oleh Kementerian berkenaan. Maka oleh kerana peruntukan tambahan yang diminta itu berjumlah hampir \$1 juta maka mustahaklah pihak Kementerian memberi perhatian yang serius kepada daerah-daerah, kepada penternak-penternak di sebelah utara sana yang mana penyakit ini telah menimpa mereka.

Tuan Pengerusi, apabila penyakit ini mula timbul ada parti-parti Pembangkang cuba menggunakan isu ini sebagai isu politik mereka tetapi Alhamdulillah ditakdirkan Tuhan isu-isu itu tidak laku dan tidak diterima oleh rakyat keseluruhannya. Oleh yang demikian, saya berharap benar kepada

Kementerian ini di masa-masa akan datang supaya penyakit ini tidak akan berulang lagi sekali maka pencegahan sangat mustahak dan dengan yang demikian pegawai-pegawainya mesti ditambah supaya kerja-kerja penyedulupan itu tidak akan berlaku lagi seperti mana yang telah berlaku di masa-masa yang lepas.

Tuan Pengerusi, dengan ini segala permintaan tambahan yang diminta oleh Kementerian ini saya sokong sepenuhnya.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Kangar.

5.29 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Pengerusi, saya juga turut menyokong peruntukan tambahan yang telah diminta oleh Kementerian Pertanian, Kertas Perintah 28 tahun 1979, Maksud B. 24 berkenaan dengan Pertanian (c) Haiwan. Haiwan ini, maksud saya termasuklah sebagaimana dikata oleh Wakil Ulu Muda tadi binatang ternakan termasuk lembu kerbau dan ayam itek dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, memandangkan kepada petani di luar bandar walaupun pada sepintas lalu kita memikir tentulah cara ternakan ayam dan sebagainya tentulah dipandang sepi oleh pihak-pihak yang berpendapatan tinggi tetapi bagi penduduk-penduduk luar bandar pemberian yang telah diberi oleh Kementerian Pertanian melalui Pejabat Haiwan telah mendapat sambutan yang amat baik.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Dengan sebab itu saya mengesyorkan di sini supaya pemberian ini patut dilipatgandakan lagi kepada petani-petani dan seboleholehnya saya berharap selain daripada Pejabat Pertanian memberikan binatang-binatang ternakan ini baikpun yang besar atau yang kecil sebagaimana saya katakan tadi anak-anak ayam dan sebagainya, patutlah juga diberi makanan ternakan ini yang agak cukup kepada petani-petani. Kerana ayam yang telah diberikan oleh Pejabat Haiwan ini adalah ayam yang lain daripada ayam yang ada pada masa beberapa tahun yang lepas yang mana ayam ini berkehendakkan kepada makanan yang sesuai disebabkan ayam ini dibawa masuk daripada luar negeri.

Ayam-ayam ini kalaulah makan padi biasa ataupun dedak biasa, jika sepatutnya sampai kepada 9 minggu ataupun 2 bulan lebih daripada tarikh yang diberi ataupun dibeli sendiri oleh petani, dia boleh dikatakan angka kati atau beratnya sampai 3 kati lebih, kalaulah diikuti peraturan yang telah ditetapkan iaitu dengan diberi makan seperti apa yang diberi daripada awal hari pemberian subsidi ayam kepada petani ini. Jadi kedapatan hari ini kadang-kadang bila Pejabat Haiwan telah memberi ayam dengan begitu banyak tetapi dengan tidak mencukupi makanannya maka ayam tersebut tidak dapat membesar seperti mana yang sepatutnya kerana makanannya tidak diikuti oleh pihak petani-petani itu disebabkan harganya begitu mahal dan sebagainya.

Dengan sebab itu, saya harap sekali lagi selain daripada ayam hendak diberikan kepada petani patutlah juga makanan-makanan yang cukup diberi kepada ayam-ayam yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, di samping itu juga saya berpendapat kalau boleh mintalah Pejabat Haiwan ini selain daripada ayam juga mencari jenis-jenis ternakan yang lain. Saya dapat tahu ada satu jenis yang dikatakan "itek Siam". Itek Siam ini berlainan sangat daripada itek kita di Malaysia. Perbezaan ayam dengan itek ini macam mana lembu dengan kerbau. Maksud saya ialah lembu tidak mahu kepada air dan takut kepada air dan hujan tetapi kerbau sebaliknya dia suka sangat kepada air. Begitulah itek dengan ayam. Ayam ini kerap kali kita tahu tidak mahu air kecuali sekadar hendak minum dan itek berkehendakkan kepada air. Tetapi sebaliknya pula itek Siam iaitu sejenis itek yang berbulu hitam tidak berkehendakkan kepada air dan dia cukup cepat besar. Setakat yang saya dapati daripada orang-orang yang menternak itek ini pendapatannya lebih baik daripada menternak ayam biasa dan menternak ayam yang diberi oleh Kerajaan dan lebih baik juga daripada itek biasa.

Dengan sebab itu, saya berharap sangat-sangatlah di masa yang akan datang pihak Kementerian Pertanian melalui Pejabat Haiwan akan mencari lagi cara ternakan yang baru seperti itek yang saya katakan tadi. Tetapi yang saya dapat tahu itek ini yang peliknya sedikit ialah bajanya lebih busuk daripada itek biasa. Tetapi saya yakin boleh dibubuh kapur dan sebagainya dan ada satu alat yang saya dapat tahu yang boleh menghilangkan bau tahi yang amat busuk.

Saya juga sekali lagi menyokong di atas apa yang dikatakan oleh Wakil dari Ulu Muda tadi kerana kita sama-sama tahu kebanyakan negeri yang terlibat dengan haiwan ini ialah Kedah, Perlis dan Kelantan dan beberapa tahun yang lepas banyak lembu-lembu dan kerbau-kerbau yang telah ditembak disebabkan penyakit kuku dan mulut. Dengan sebab itu banyaklah lembu-lembu dan kerbau yang tidak ada di Perlis hari ini menyebabkan daging di Perlis telah meningkat kepada angka sampai \$3.40 lebih walhal di masa-masa yang lampau, iaitu dua tahun yang lepas daging di Perlis tidak pernah naik melainkan setakat \$2.00 tetapi kerana lembu dan kerbau ini kena penyakit terlampau banyak, harga daging telah meningkat kepada \$3.40 sekati pada hari ini.

Tetapi walau bagaimanapun saya tidak menafikan, Tuan Pengerusi, kalau hendak dibandingkan dengan Kuala Lumpur dan negeri-negeri lain, kami di Perlis sudah boleh dikatakan bernasib baik lagi kerana harganya murah tetapi kalau hendak dibandingkan di masa yang lampau sebelum ada penyakit kuku dan mulut, harga daging di Perlis terlampau meningkat pada hari ini.

Satu lagi, Tuan Pengerusi, yang mendukacitakan saya dan saya berharap sangat kepada Kementerian yang berkenaan, sembelih lembu di Perlis ini kerap kali diadakan pada hari-hari yang ditetapkan sahaja. Kalau tidak silap saya ditetapkan oleh Pejabat Haiwan seminggu agak saya 3 kali, itupun ditetapkan dalam pasar (market) yang diadakan tetapi payah hendak dibenarkan kerana pasar mingguan selalu diadakan. Saya yakin ini adalah untuk menjaga kesihatan kepada umum, boleh jadi pihak Kementerian yang berkenaan setakat yang saya dapat tahu mereka mengatakan yang kami tidak dapat dikawal kalau sudah disembelih di merata tempat. Tetapi saya berpendapat kalaulah Kementerian Pertanian melalui Pejabat Haiwan telah mengambil tindakan yang tegas kepada siapa sahaja yang sembelih lembu ataupun kerbau dengan tidak mendapat pemeriksaan yang lebih teliti terlebih dahulu, saya berharap kepada Kementerian yang berkenaan mengambil tindakan yang sewajarnya tetapi bila sudah tiap-tiap seorang itu mengikut peraturan, jika selepas diperiksa oleh Pejabat Haiwan atau pihak berkenaan didapati lembu atau kerbau ini tidak ada penyakit, biarlah disembelih. Tetapi kalau didapati di mana pun yang disembelih walaupun seekor, saya harap tindakan diambil

kerana bila bahaya telah terjadi akan membahayakan kepada semua orang lain. Tetapi bila semua mengikut peraturan saya yakin biarlah disembelih dengan syarat aturannya diikuti.

Saya juga menyokong apa yang dikatakan oleh Wakil dari Ulu Muda tadi, zaman baru serba moden, di segi pertanian padi telah diberi berbagai-bagai nama—tiga "S" kalau tidak silap saya seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 4-11-1979 yang lepas di Kota Bharu, "Senandung" dan berbagai-bagai nama lagi mengikut zaman hari ini. Kalau pokok kita hendak jenis pokok yang baik, kalau padi kita hendak padi yang baik. Kepada Pejabat Haiwan pun saya berharap carilah lembu ataupun kerbau-kerbau, juga ternakan lain yang agak badannya besar, makan sedikit mengikut cara sains dan teknologi ini.

Tuan Pengerusi: Saya tidak hadkan masa. Ada lagi Ahli Yang Berhormat yang hendak bercakap? Kalau tidak ada, saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

5.38 *ptg.*

Tuan Edmund Langgu anak Saga: Tuan Pengerusi, saya suka mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berucap dan membuat teguran-teguran di atas Belanja Mengurus (Tambahan) (Pertama) 1979 dan Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3) 1979.

Segala cadangan-cadangan dan teguran-teguran tersebut akan diambil perhatian dengan sewajarnya. Saya tidak bercadang untuk menjawab satu persatu soalan yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat oleh kerana jawapan-jawapan dan keterangan-keterangan telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri Pertanian, saya sendiri dan juga rakan saya pada persidangan yang lepas dan di luar Dewan ini juga.

Walau bagaimanapun, Tuan Pengerusi, saya hanya akan menyentuh sedikit mengenai haiwan. Dalam tahun 1978 jumlah yang telah dibelanjakan ialah \$3,769,440. Selain daripada itu jumlah wang pampasan yang digunakan untuk ganti-rugi pada tahun 1978 dan 1979 adalah sebanyak \$4,744,682 iaitu ganti-rugi kepada penternak-penternak yang ternakan mereka dimusnahkan dengan menilai ternakan mereka itu. Pembayaran wang

pampasan sudahpun dijalankan dan Kementerian saya sedang menyediakan satu rancangan untuk memulihkan semula ternakan-ternakan di kawasan yang terlibat.

Berhubung dengan peruntukan bagi membiayai projek Mengorek Alur di Sungai Tumpat, Kelantan, saya ingin menjelaskan bahawa ini adalah projek di bawah peringkat percubaan sahaja. Jika ini nanti didapati berkesan, maka Kementerian ini akan membuat projek yang sama di tempat-tempat yang lain juga.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$1,381,560 untuk Maksud B. 24 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$5,800,000 untuk Maksud P. 24 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3), 1979.

Tuan Pengerusi: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian untuk mengemukakan Anggaran Tambahan bagi Maksud B. 25 dan P. 25 di bawah Kementerianya.

Maksud B. 25 (Jadual)—

Maksud P. 25 (Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3) 1979—

5.40 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Lew Sip Hon): Tuan Pengerusi, saya bangun mengusulkan supaya Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama tahun 1979 yang berjumlah \$1,428,498 di bawah Maksud B. 25 dan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga 1979 yang berjumlah \$124,638 di bawah Maksud P. 25 bagi Kementerian Perdagangan dan Perindustrian diluluskan.

Tambahan belanja mengurus sebanyak \$1,428,498 itu adalah diperlukan bagi menampung perbelanjaan mengurus Kementerian ini dalam tahun 1979. Dari jumlah ini sebanyak \$1,042,000 adalah dikehendaki bagi membiayai perbelanjaan Rombongan Perdagangan dan bagi mengadakan projek Pamiran Perdagangan Antarabangsa di luar negeri. Di antara Rombongan Perdagangan yang telah disertai itu adalah seperti Rombongan Kajian Pasaran Malaysia ke Portugal, Spain, Greece dan Turkey, Rombongan Per-

dagangan Malaysia ke EEC, Rombongan Perdagangan Malaysia ke Afrika dan Rombongan Perdagangan Malaysia ke USA dan Canada.

Sejumlah \$60,000 adalah dikehendaki oleh Urusetia Majlis Penasihat Perlindungan Pengguna Kebangsaan bagi memberikan sumbangan kepada Persatuan-persatuan Pengguna Kebangsaan bagi tahun 1979 sementara baki yang berjumlah \$326,498 pula adalah dikehendaki bagi membiayai sewaan ruang Pejabat Pendaftaran Cap Dagangan di bangunan swasta serta membekalkan kelengkapan dan perabot untuk Kementerian di Jalan Duta. Jumlah besar \$1,428,498 tersebut telah didahulukan daripada Kumpulanwang Luar Jangka.

Tambahan sebanyak \$124,638 yang dipohon untuk Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga 1979 itu adalah dikehendaki oleh Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) bagi membiayai perbelanjaan berikut:

- (i) \$63,612 untuk pembayaran akitek di atas penyediaan Pelan Bangunan Lembaga tersebut di Jalan Ampang, Kuala Lumpur; dan
- (ii) \$61,026 bagi menjelaskan bayaran kerja-kerja "Quantity Surveying" untuk projek ini.

Peruntukan sebanyak \$124,638 telah didahulukan daripada Simpanan Luar Jangka.

Tuan Pengerusi, saya mohon supaya Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama tahun 1979 sebanyak \$1,428,498 dan Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga tahun 1979 yang berjumlah \$124,638 bagi Kementerian Perindustrian diluluskan.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Anggaran Tambahan Pertama bagi 1979 bagi mengurus di bawah Maksud B. 25 dan juga Anggaran Tambahan Pembangunan di bawah Maksud P. 25 di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sekarang terbuka untuk perbincangan. Ahli dari Sabak Bernam.

5.45 ptg.

Tuan Jamaluddin bin Haji Suhaimi (Sabak Bernam): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong Belanjawan Tambahan yang dipohon oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dan saya hendak

menyentuh dan bercakap mengenai muka surat 10, Butiran 4100 Aktiviti (2)—Urusetia Majlis Penasihat Pelindung Pengguna Kebangsaan.

Pada pendapat saya Majlis ini perlulah meningkatkan lagi usaha-usahanya memberi penjelasan dan penerangan kepada rakyat oleh kerana perkara Persatuan Pengguna ini adalah baru bagi rakyat kita terutama yang di luar-luar bandar. Saya harapkan Majlis ini akan lebih lagi dapat memberi penerangan dan penjelasan kepada rakyat dengan lebih banyak lagi menyebarkan risalah-risalah dan penjelasan-penjelasan, naskah-naskah melalui pertubuhan-pertubuhan belia, pertubuhan-pertubuhan wanita dan juga lain-lain badan yang seumpamanya supaya dapat disebarikan kepada ahli-ahli dan selain daripada itu patutlah juga Majlis ini mengadakan ceramah-ceramah atau penerangan di mana yang dianggap perlu.

Selain daripada itu yang lebih penting lagi patutlah Majlis ini mengadakan satu siaran dalam TV kita pengetahuan mengenai Persatuan Pengguna Sebagaimana yang kita maklum Persatuan Pengguna ini adalah satu Pertubuhan yang sangat berkesan terutamanya bagi menghadapi penjual-penjual kita. Sekian lama pengguna-pengguna kita bolehlah dikatakan dikuasai.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bercakap ini di bawah maksud berapa?

Tuan Jamaluddin bin Haji Suhaimi: Muka surat 10, Butiran 4100, Aktiviti (2).

Tuan Pengerusi: Sila teruskan.

Tuan Jamaluddin bin Haji Suhaimi: Sekian lama pengguna-pengguna kita bolehlah dikatakan dikuasai oleh penjual-penjual ataupun pekedai-pekedai. Jadi dengan adanya kekuatan Persatuan Pengguna kita akan dapat menyelamatkan mereka dan selain daripada itu saya juga percaya boleh mengatasi inflasi. Sekian sahaja terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Pasir Puteh.

4.48 *ptg.*

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad (Pasir Puteh): Tuan Yang di-Pertua, saya cuba menyentuh Butiran 2500 Aktiviti (7) Pendaftaran Cap Dagangan dan Jaminan Hak.

Tuan Pengerusi, sebenarnya di dalam Pendaftaran Cap Dagangan dan Jaminan Hak ini sebenarnya masih kedapatan lagi bahawa penipuan-penipuan masih berlaku lagi tentang cap-cap barang-barang dagangan dan juga jaminan hak daripada hak cipta juga masih terdapat penipuan di dalam masyarakat kita khasnya dalam pasaran barang-barang. Saya berharap pihak Pendaftaran Cap Dagangan ini akan hanya dapat meluluskan cap barang dagangan yang tidak serupa sama bentuknya.

Misal kata masih banyak kedapatan sekarang ini kekeliruan di kampung-kampung misalnya Colgate ada cap, sama ada barangan itu tipu tetapi ada dua jenis tulisan yang seakan-akan sama. Begitu juga ubat-ubatan seperti Panadol ada dua jenis dan ada penipuan yang berlaku. Dan banyak lagi barang-barang yang mempunyai cap yang pada lahirnya nampak sama tetapi bendanya tidak sama dan kualiti yang satu lagi rendah. Jadi untuk menentukan ini, saya berharap pihak Pendaftar Cap Dagangan hendaklah menjalankan siasatan bagi menentukan tiap-tiap barang itu hanya mempunyai satu cap dagangan dan tidak ada yang mengelirukan dari segi warna, dari segi rupa, dari segi balutan kertas dan juga kotaknya. Ini akan memberi faedah kepada pengguna-pengguna yang akan membeli ataupun yang akan menggunakan barang-barang tersebut. Sebenarnya jaminan hak ini telah beberapa kali disebutkan tetapi masih terdapat barangan tiruan di dalam pasaran kita. Misalnya, cassette lagu. Sekarang ini video-tape yang ada daripada luar yang jaminan haknya tidak terjamin dan juga kalau kita hendak sebut banyak barang-barang yang jaminan hak tidak diberi ataupun tidak terkawal disebabkan penipuan barangan-barangan itu berlaku menyebabkan tuan empunya yang menjalankan perniagaan itu menanggung kerugian yang besar dan juga orang yang membeli tidak mendapat barangan dengan mutu yang sebenarnya.

Selain daripada itu, saya suka menyentuh Butiran 4100 iaitu Majlis Penasihat Pelindung Pengguna Kebangsaan yang saya rasa sebagaimana rakan saya dari Sabak Bernam juga bahawa Majlis ini sangat mustahak dan perlu bagi memberi nasihat kepada pengguna-pengguna. Saya rasa Persatuan Pengguna ini dan juga Majlis ini tidak begitu diketahui oleh orang ramai dan juga masyarakat lebih-lebih lagi macam dikatakan oleh rakan saya tadi di luar-luar bandar. Persatuan Pengguna ini kalau kita fikirkan lebih mustahak daripada persatuan-persatuan lain dari segi ekonomi,

dari segi bagaimana kita akan mengawal supaya pengguna-pengguna dapat membelanjakan wangnya kepada barang-barang yang dibelinya dengan harga yang berpatutan dan barang yang sebenarnya akan didapati dengan harga yang dibayar. Oleh itu, saya berharaplah pihak Majlis Penasihat Pelindungan Pengguna ini akan cuba memperkenalkan Persatuan Pengguna ini ke luar bandar ataupun ke bandar-bandar yang tidak besar tidak seperti Kuala Lumpur sahaja tetapi ke bandar-bandar yang agak kecil sedikit seperti di pantai-pantai timur ataupun di bandar-bandar yang memang bimbingan kepada pengguna adalah perlu bagi mereka itu menggunakan perbelanjaannya atau membeli barang yang benar-benar bermutu. Ini akan menguntungkan pengguna itu dari segi ekonomi dan juga dari kuasa beli yang ada pada mereka.

Jika sekiranya tidak diberi nasihat yang betul kepada pengguna cuma berdasarkan iklan daripada TV, iklan daripada surat-khabar-suratkhabar juga iklan daripada propaganda penjual barang-barang ini akan memberi kesan yang buruk kepada pengguna-pengguna terutama dari segi ekonomi pengguna itu sendiri kerana sekarang ini banyak barang-barang yang kurang mutunya dijaja dari rumah ke rumah dengan harga yang kita tidak tahu langsung harga pasaran yang sebenarnya. Ini sepatutnya diberi satu nasihat oleh Persatuan Pengguna yang berhampiran sebagai tempat merujuk bagi mereka.

Cuma yang kita tahu benda-benda seperti ini kalau di sekolah-sekolah menengah ada pameran daripada Persatuan Pengguna secara kecil-kecilan di sekolah itu tetapi benda itu tidak sampai ke peringkat luar bandar ataupun kampung-kampung cuma di peringkat sekolah sebagai satu panduan sahaja, bukan sebagai satu tindakan yang sebenarnya memberi nasihat kepada pengguna. Jadi galakan di luar bandar bagi menubuhkan Persatuan Pengguna ini adalah perlu sekali dari segi memberi paduan kepada rakyat kita.

Selain daripada itu sebagaimana yang kita tahu betapa perlunya Persatuan Pengguna ataupun nasihat daripada Persatuan ini kerana kita dapati banyak penjualan barang-barang tambahan dalam bulan Disember ini terlampau banyak "cheap sales" kadang-kadang dia potong harga itu, ditulis harga lama \$28.00 kemudian dipotong ditulis \$14.00 sahaja. Kita tidak tahu sama ada \$28.00 itu betul atau tidak harga asalnya.

Tetapi inilah sebagai satu tarikan atau psaiikoloji yang menarik pengguna itu membeli barang-barang seperti itu.

Jika sekiranya Persatuan ini dapat memberi panduan bahawa "cheap sales" yang ditulis itu mungkin bukan harga yang sebenarnya dan mungkin sebagai satu tarikan sahaja dan tidak akan memberi faedah ataupun mungkin pihak Persatuan ini boleh membuat lawatan ataupun menentukan harga itu adakah harga sebenarnya sebagaimana yang dicatitkan dalam penjualan itu. Ini mungkin akan mendapat kerjasama daripada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Sebagaimana yang saya sebutkan tadi Persatuan Pengguna ini akan mengelakkan daripada membeli barang-barang yang bukan sebenarnya seperti yang saya sebutkan tadi iaitu barang-barang yang ditipu, barang-barang yang tidak sebenar, barang-barang yang mempunyai harga yang tinggi yang sama dengan barang-barang yang sebenarnya tetapi barangnya tidak sebenar. Ini sebagaimana dikatakan tadi banyak berlaku di dalam masyarakat kita setelah kita menggunakan barang itu tidak diberi kesan sebagaimana sepatutnya. Ini disebabkan sebagaimana yang dikatakan tadi, rupanya sama.

Selain daripada itu barang-barang yang dijual macam kertas rim ataupun barang-barang yang ditimbang, gula-gula di dalam beg, kebanyakannya kalau pengguna itu halusi sebenarnya memang kalau kita bilang barang itu selalunya banyak yang tidak cukup. Ini saya telah tegaskan selalu banyak bilangannya yang tidak mencukupi. Misalnya satu rim "duplicate paper" mungkin akan mengandungi 480 keping atas 450 keping sahaja, tidak satu rim. Ini juga patut disahkan. Begitu juga satu kampil simen sebagaimana kita biasa beli misalnya 50 kilo mungkin dalam beg simen itu akan terdapat 45 kilo sahaja. Ini disebabkan oleh kerana simen itu bertambah mahal, harganya tidak dapat dikontrol, mungkin penipuan dengan cara ini akan berlaku dan akibatnya akan dirasai oleh pihak pengguna. Pengawasan ataupun enforcement dalam perkara ini patut juga dijalankan dari semasa ke semasa. Selain daripada itu juga pihak Persatuan Pengguna ini dengan melalui kegiatannya ataupun melalui Majlis Penasihat ini juga akan menentukan barang yang benar-benar baik dan ada khasiatnya sebagaimana yang disebutkan. Selalu kita dapati vitamin ataupun ubat yang dijual di kedai itu kadang-kadang tidak mengikut khasiat sebagaimana yang ditulis itu.

Perkara ini mungkin dapat dibuat kawalan dengan cara jaminan hak tadi supaya tidak akan membenarkan barang-barang yang kita tidak tentu kualitasnya sebagaimana yang diminta. Ini mungkin agak rumit tetapi walau macam manapun, kalau enforcement ada, sekiranya kajian dibuat begitu rapi maka pihak yang berkenaan akan dapat menentukan yang barang itu dikeluarkan benar-benar baik dan mengikut khasiat yang ditulis, jangan khasiat yang ditulis itu tidak mengikut sebagaimana yang dinyatakan itu. Kadang-kadang memanglah benar kalau kita pergi ke hospital lainlah keadaannya, kadang-kadang ia buat ubat percubaan juga tetapi kalau kita pergi ke kedai ini, kalau kita kata sakit kepala: ada berpuluh ubat, sakit kepala; kalau kita kata sakit perut, ada beribu ubat sakit perut. Jadi kalau kita sebutkan sahaja sakit, semua ada ubat dan banyak jenis, sampai kita tidak dapat menentukannya. Kadang-kadang ubat itu mendatangkan kesan yang buruk kepada kesihatan kita. Jadi dalam menentukan hak ada cop ubat itu dan khasiat yang terkandung atau benda-benda yang terkandungnya itu patut dikaji.

Sekianlah sahaja dan saya menyokong peruntukan yang diminta tambahan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian bagi Majlis Penasihat Pelindung Pengguna Kebangsaan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

6.02 ptg.

Tuan Lee Lam Thya (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Pengerusi, saya bangun turut berucap atas Butiran 4100, Aktiviti (2)--Urusetia Majlis Penasihat Pelindung Pengguna Kebangsaan, muka 10.

Tuan Pengerusi, yang sebenarnya jumlah \$50,000 yang diperuntukkan dalam Anggaran 1979 adalah tidak mencukupi memandangkan bahawa banyak yang hendak dibuat oleh Persatuan-persatuan Pengguna dalam menjalankan penyelidikan mengadakan seminar-seminar, mengadakan sesi perbincangan dengan tujuan meninggikan kesedaran pengguna ataupun meninggikan pergerakan pengguna di negara kita. Atas perkara ini saya lihat bahawa peruntukan tambahan sebanyak \$60,000 dikehendaki bagi tahun ini dan atas perkara ini, saya sukalah bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada

beliau dapat memberi sedikit maklumat kepada Dewan ini, apakah aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan dan berapa buah seminar-seminar yang telah diadakan akibat daripada peruntukan tambahan \$60,000 sebagai tambahan pada tahun ini.

Ada satu perkara lagi yang saya ingin menyentuh di sini ialah saya rasa bahawa orang ramai tidak banyak yang tahu mengenai aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Urusetia Majlis Penasihat Pelindung Pengguna Kebangsaan dan saya suka mengesyorkan di sini, kalau ini dapat dipertimbangkan oleh Kementerian bahawa satu laporan dapat disiap dan diedarkan untuk penerangan maklumat orang ramai tentang apakah aktiviti-aktiviti yang ada dijalankan oleh Bahagian Pelindung Pengguna Kebangsaan dalam Kementerian yang berkenaan.

Satu point lagi saya ingin menyentuh di sini ialah, saya berpendapat bahawa memandangkan Persatuan Pengguna boleh memainkan satu peranan yang amat penting dalam perkara meninggikan kesedaran pengguna. Saya harap Kementerian dapat pada masa yang akan datang memberikan peruntukan yang lebih memandangkan bahawa pada masa ini Persatuan Pengguna bukan sahaja dikehendaki memainkan satu peranan dalam bandar tetapi juga di kawasan-kawasan luar bandar dan baharu-baharu ini ada dilaporkan dalam suratkhbar bahawa FOMCA—Persatuan Pengguna Kebangsaan telah membuat satu keputusan untuk melancarkan satu kempen di kawasan-kawasan luar bandar dengan tujuan meninggikan kesedaran pengguna di kalangan penduduk di luar bandar. Ini semua akan melibatkan wang yang banyak dan saya harap bahawa pihak Kementerian dapatlah memberikan peruntukan yang lebih supaya objektif Persatuan Pengguna Kebangsaan dapat dilaksanakan dengan licin.

Satu perkara yang akhir saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan bahawa saya mencadangkan Urusetia Majlis Penasihat Pelindung Pengguna Kebangsaan ini dapat dikaji semula supaya badan ini boleh memainkan ataupun menjadi satu badan yang lebih efektif dalam perkara pelindung kepentingan pengguna-pengguna di negara kita. Saya suka juga mencadangkan bahawa struktur Urusetia Majlis Penasihat Pelindung Pengguna Kebangsaan dapat diubah dan badan ini patut dijadikan ataupun dinamakan Urusetia Majlis

Pelindung Pengguna Kebangsaan dan bukanlah Urusetia Majlis Penasihat oleh sebab saya berpendapat bahawa sekiranya badan ini boleh dijadikan satu badan Majlis Pelindung dan bukan satu badan penasihat maka saya berpendapat bahawa Majlis ini dapat memainkan satu peranan yang lebih efektif, oleh kerana pada masa sekarang Majlis ini ialah satu Majlis Penasihat dan mungkinlah kadangkala nasihat yang disyorkan oleh Majlis ini akan ditolak oleh pihak yang berkenaan.

Itulah sahaja pandangan saya, Tuan Pengerusi, yang ingin saya sampaikan.

Tuan Pengerusi: Yang berhormat dari Panti.

6.08 ptg.

Tuan Yusof bin Malim Kuning (Panti): Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian dalam Butiran 5100 iaitu Kod (4)—Kemajuan dan Penggalakan Perdagangan: (ii) Perdagangan Antarabangsa yang mana wang sejumlah \$1,042,000 bagi maksud ini dan saya menyokongnya dan saya ingin menyatakan iaitu nampaknya pasaran ataupun barang-barang dagangan kita walaupun telah dijalankan usaha-usaha boleh dikatakan hampir ke seluruh dunia dihantar wakil-wakil dan saya dapati di sebelah dunia yang ketiga, iaitu di Asia Barat kurang sekali barang-barang dagangan kita di sana.

Saya difahamkan bahawa barang-barang dagangan kita sangat-sangat diperlukan di negara-negara ketiga iaitu Timur Tengah, dan banyak jenis barang-barang yang patut dan boleh kita eksport ke Timur Tengah.

Tuan Pengerusi, kadang-kadang kita berasa malu kerana ada di antara barang-barang dagangan yang sepatutnya kita berdagang ke sana tetapi ada setengah-setengah barang dagangan itu dikeluarkan oleh negeri yang tidak ada langsung barang itu. Umpamanya, ada satu negeri yang tidak ada tanah untuk menanam nenas, kita tengok di sana ada dibuat oleh negeri si polan umpamanya, kita tahu negeri itu tidak ada menanam nenas pun, tetapi sepatutnya kita kena mengambil inisiatif. Saya berani mengatakan setengah-setengah penanam-penanam kita yang mana kalau inisiatif ini diambil oleh pihak Kementerian Perdagangan dan Perindustrian untuk mengeksportkan barang-barang rakyat, barang-barang yang mudah dihasilkan tidak-

lah terjadi sebagaimana yang berlaku di Johor umpamanya, di Pontian, ada penanam-penanam nenas kita yang tidak dapat menjual nenasnya. Bila sampai ke kilang, kilang berkehendakkan saiz-saiz yang tertentu sedangkan untuk mewujudkan saiz ini bukan kuasa kita, bukan kuasa Jabatan Pertanian untuk mewujudkan saiz ini dan dia akan tumbuh tetapi apa hal dan siapa yang hendak mengganti kerugian petani-petani kita yang menanam nenas apabila nenasnya dihasilkan dengan begitu banyak dihantar ke kilang, kilang tidak terima. Umpamanya, kalau pun kita tidak dapat menjualnya dengan secara tin, kita boleh menjualnya dengan secara biji.

Di setengah-setengah negara, boleh dikatakan hampir ke semua negara di Timur Tengah yang saya dapati harga sebiji nenas di sana menyamai duit kita \$3 ataupun \$4; nenas Moris yang hanya kita dapati di sini dengan harga 3 biji \$1 ataupun 4 biji \$1. Bukankah ini juga secara langsung akan memberi faedah kepada penanam-penanam, kepada rakyat boleh mengusahakan. Begitu juga banyak lagi jenis-jenis dagangan yang begitu mudah tumbuh di tanahair kita dan mendapat pasaran yang elok di luar negeri tetapi tidak ada galakan diberikan, umpamanya, jenis buah-buahan sahaja. Bila kita lihat orang-orang luar atau pelancang-pelancang yang datang ke negara kita, bila mereka menikmati buah ciku, buah belimbing, buah papaya (betik) sungguh berselera bagi mereka dan mereka ingin kalau barang-barang ini ada dijual di negeri mereka. Adakah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sedar satu kilo buah betik di luar negeri harganya tidak kurang daripada \$4 sedang sebiji buah betik dapat kita beli di sini dengan harga 30 sen atau 40 sen dan buah-buahan ini dapat ditanam dengan begitu mudah sekali dalam tanahair kita.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu apabila kita lihat di luar-luar negeri, terutama sekali yang saya faham sangat di Timur Tengah, iklan barang-barang keluaran kita langsung tidak nampak, jangankan dalam televisyen mereka, dalam suratkhbar juga, kalau adapun jarang tetapi kalau pihak Kementerian Perdagangan dan Perindustrian cuba lihat negeri-negeri luar yang membawa barangnya datang ke mari, tengok Jepun sahaja, kalau suratkhbar kita penuh dengan iklan barang mereka sahaja, kalau televisyen itu penuh dengan iklan barang Jepun sahaja;

televisyennya, radionya bawalah ke peti sejuknya, kereta dan sebagainya. Jadi ini menarik minat rakyat, menarik minat negeri di mana iklan itu dibuat menarik negeri itu hendak import barang kita. Tetapi rasa saya inisiatif ini boleh dilaksanakan dengan perbelanjaan yang begitu banyak, iaitu peruntukan tambahan \$1 million lebih. Saya harap pihak Kementerian Perdagangan dan Perindustrian melebihi usahanya untuk mencari sponsors di luar negeri untuk advertisenkan barang-barang keluaran kita, terutama sekali di Timur Tengah.

Selain daripada itu, umpamanya pamiran-pamiran. Saya tidak menafikan pihak Kementerian Perdagangan dan Perindustrian ada membuat pamiran-pamiran sama ada di Barat, di Amerika ataupun di Timur Tengah tetapi di Timur Tengah sedikit sangat pamiran ini dibuat sehingga rakyat di sana ataupun pengusaha-pengusaha di sana tidak kenal, tidak tahu bahawa barang itu wujud di negeri kita atau boleh dapat dengan mudah dan murah di negeri kita. Jadi bila mereka tidak tahu, bila mereka tidak kenal sebagaimana kata pepatah kita: tidak kenal maka tak datang cinta, bila kenal baru datang cinta. Mereka tidak kenal barang kita macam mana mereka hendak cintakan barang kita. Supaya mereka kenal, terpaksa lah pihak kita memperkenalkan dan sesudah mereka kenal, mudah-mudahan kita harapkan mereka akan cinta dengan barang kita.

Satu lagi, Tuan Pengerusi, berhubung dengan Butiran 4100—Urusetia Majlis Penasihat Pelindung Pengguna Kebangsaan. Walaupun perkara ini telah disentuh oleh beberapa Ahli Yang Berhormat, termasuklah Pembangkang sekali, saya ingin juga menekankan di sini betapa pentingnya ilmu ini disebarkan kepada orang ramai, disebarkan kepada pengguna-pengguna. Banyak pengguna-pengguna hari ini tidak tahu ke mana tempat dia hendak mengadu, kadang-kadang pengguna mengadu kepada kita—Wakil-wakil Rakyat ini, tetapi bila pengguna itu mengadu kepada Wakil Rakyat, dia marah Kerajaan sahaja; Kerajaan tidak kontrol barang, Kerajaan tidak lihat harga barang, harga barang ikut sesuka hati penjual sahaja hendak taruh. Kadang-kadang penjual-penjual ini keterlaluan, barangkali hari ini kita boleh dapati dalam bandar Kuala Lumpur sendiri, ditulis di situ dengan harga 80 sen, kita tengok timbunan buah angor 80 sen, jadi pengguna pun tertarik pergi ke situ ingatkan 80 sen sekati, rupanya

ditulis dengan huruf kecil di bawah itu “4 tahlil”—simbolik. Dari jauh kita tengok 80 sen, ingatkan 80 sen sekati tetapi rupanya di bawah itu ada ditulis 4 tahlil, jadi 4 tahlil sahaja 80 sen. Walaupun perkara ini berlaku saya tidaklah minta Kerajaan sampai begitu jauh mengawal, tinggal lagi ini mengakibatkan kepada pengguna-pengguna tertipu, seperti jugalah dengan jualan-jualan murah yang berlaku sekarang dalam bulan Disember ini.

Di negara-negara lain ada peraturan hendak menjual barang murah (sales) ini tetapi negeri kita nampaknya tidak ada peraturan, daripada Johor Bahru sampai ke Perlis, sesuka taukeh itu bila masa dia hendak buat jual murah, kadang-kadang dia kata “clearance” dengan harga yang tidak dikawal. Dan sebagaimana yang disuarakan oleh sahabat saya tadi memang benar barangkali harganya itu sudah diletakkan tinggi, diletakkannya harga separuh daripadanya tetapi walaupun dia letak harga separuh dia masih untung lagi. Ini yang selalu mengelirukan pengguna-pengguna kita. Saya harap benar sudah sampai masa dan ketikanya pihak Kerajaan memberikan perlindungan kepada pengguna-pengguna kerana kalau perkara ini tidak diawasi dan kalau ilmu ini tidak disebarkan meluas kepada pengguna-pengguna, kepada rakyat, terutama sekali di luar-luar bandar, sampai bila-bila pun rakyat tidak tahu sehingga kita sendiri apabila ditanya bagaimana caranya Urusetia ini berjalan, bagaimana caranya Jabatan ini berjalan kita sendiri masih ragu-ragu, masih tidak memahami sebenarnya.

Saya harap Kementerian ini melalui kerjasama dengan Kementerian-kementerian yang lain, umpamanya, Kementerian Penerangan untuk memberitahu, memberi penjelasan dengan seluas-luasnya sehingga rakyat benar-benar faham apakah itu Persatuan Pengguna dan apakah tujuannya dan bagaimana hendak mengumpulkan pengguna-pengguna ini, sama ada peringkat daerah, mukim, bandar atau kampung dan sebagainya. Perjalanan ini bagi setengah rakyat masih kabur, masih kurang mendapat maklumat. Saya harap pihak Kementerian ini pada masa-masa yang akan datang akan benar-benar memberikan penerangan dengan sejelas-jelasnya kepada rakyat kita.

Tuan Pengerusi, inilah sahaja yang dapat saya bahaskan dan saya menyokong peruntukan ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kangar.

6.20 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Pengerusi, saya juga turut menyokong peruntukan yang diminta oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Tuan Pengerusi, saya bercakap dalam Butiran 2500—Pendaftaran Cap Dagangan dan Jamin Hak.

Tuan Pengerusi, yang tahu segala-gala sampai ke dalam ialah Tuhan. Manusia kita ini bagaimana zahirnya begitulah kata orang pada batinnya. Itu pada adat. Tetapi walau macam manapun kita tidak nafikan kadang-kadang pada capnya cantik dan di dalamnya tidak begitu elok dan tidak begitu sebetul macam mana cap yang dinyatakan di luar. Maka dengan sebab itu dalam hak mengcap dan jaminan hak ini, saya berharap sangat kerana kedapatan tidak betul di segenap segi. Walaupun kita kata ada pihak Kerajaan, penguatkuasa dan sebagainya mengambil tindakan, kadang-kadang kerana silap cap tadi, orang memandang kepada cap, baik ubat, baik makanan dan sebagainya boleh dikatakan terkena dan banyak rakyat yang telah menjadi mangsa, baikpun rakyat yang di luar bandar dan termasuk juga seluruh rakyat. Kerana macam saya katakan tadi walaupun ubat ataupun makanan kadang-kadang kita tengok satu cap ubat yang begitu cantik dan kita biasa beli ubat yang capnya sekian, tetapi ada kedapatan setengah-setengah pihak yang berkenaan kerana dia tahu, misalnya, saya kata ubat—ubat ini sangat mujarab, capnya sekian, cap harimau ataupun berbagai-bagai cap yang saya maksudkan capnya ada di situ. Ada setengahnya mengambil kesempatan menjual ubat yang saya sebutkan tadi.

Yang sedihnya, Tuan Pengerusi, kalau yang menjadi mangsa itu setakat wang ringgit, wang itu boleh dicari, tetapi kadang-kadang kerana silap ubat yang dikehendaki tadi maka akibatnya wang kita telah menjadi mangsa dan tubuh kita juga telah menjadi mangsa dengan tidak kena kita memakan ubat. Begitulah juga di segi makanan yang lain kedapatan beberapa tahun yang lepas kerana kita tengok pada capnya cantik, bila kita pergi siasat tengok apa yang ada di dalamnya termasuk pula benda itu haram kata orang Islam. Dengan sebab itulah saya

berharap sangat cap ini patut diawasi betul-betul, bukan diawasi capnya sahaja tetapi diawasi dengan apa yang dicap adakah betul benda itu ada jaminan di segi kesihatan dan di segi haram kalau benda itu boleh ditunjuk.

Seperti yang kita kata selalu ditunjuk "Ditanggung Halal", betulkah benda ini ditanggung halal, maka hendaklah disiasat betul-betul. Itu saya berharap sangat.

Yang kedua, saya juga bersetuju dengan pendapat kawan saya tadi dalam Butiran 4100 berkenaan dengan Urusetia Majlis Penasihat Pelindung Pengguna Kebangsaan. Saya berpendapat walau macammata kita tubuhkan Urusetia, kita tubuh Jawatankuasa Pengguna di peringkat Pusat ataupun di peringkat Negeri, manusia ini ada dua. Satu hendak memberi dan yang kedua hendak menerima. Kadang-kadang yang hendak menerima dan yang hendak meminta itu lebih daripada hak lagi. Jadi pihak yang mustahak yang hendak kepada barang kalaulah barang itu tidak ada walau banyak mana sekalipun terpaksa manusia membelinya asalkan barang itu dia dapat. Tambahan lagi manusia hari ini kita berhajat kepada manusia yang bertamaddun, yang sudah berhajikan untuk sekadar makan, yang senang lagi akan membeli dengan pakaian yang lebih cantik dan sebagainya. Saya bersetuju sangat dengan pendapat kawan-kawan yang mengatakan tadi, selagi Kerajaan tidak mengontrol harga yang betul-betul tepat selama itulah tubuhlah berapa Urusetia Pengguna pun manusia kita tetap akan menjadi mangsa kepada puak-puak yang berdagang kerana kita berhajat kepada barang itu. Satu berhajat kerana mustahak, yang kedua berhajat hendak cari yang indah. Selagi tidak tetap perkara itu, Tuan Pengerusi tubuhlah beberapa jawatankuasa. Ini saya berkata dengan tepat. Tetapi yang berlainan sedikit daripada pendapat saya di segi perdagangan ini saya tidak begitu pandai, tetapi saya biasa mendengar guru saya berkata dahulu kalau hendak berniaga, negeri yang maju, yang kaya ialah negeri yang ada dua perkara berhampiran, berhampiran dengan sungai dan berhampiran dengan jalanraya, sebab itulah kita tengok negeri-negeri hari ini kalau kita tengok Malaysia kita sendiri, Pulau Pinang walaupun negerinya kecil dia boleh dikatakan mewah daripada negeri-negeri yang lain dengan sebab itu tertumpulah pedagang-pedagang luar masuk sama ada melalui jalanrayanya ataupun melalui pelabuhannya yang ada di situ. Itu kita tidak boleh nafikan.

Dengan sebab itu cap dagangan ini pada pendapat saya ada juga benda yang boleh dikontrol.

Saya bukan hendak masuk kepada bab pak tani, tetapi barang itu ada yang tahan lama dan tidak boleh tahan. Kalau macam kain itu kita boleh tetap letak harga kerana kalau tidak laku sampai setahun pun saya agak kain itu tidak terjejas, begitu juga barang-barang yang lain. Tetapi kalau barang makanan kita hendak tepat dengan harga, ini pada pendapat saya kita tidak begitu mengkaji secara mendalam. Macam kita kata sayur-sayuran. Orang berniaga sayur dan saya sendiri daripada pak tani saya tahu berniaga sayur ini lain daripada barang yang lain-lain. Kadang-kadang kita terpaksa meletakkan harga sampai tiga atau empat kali ganda daripada harga yang kita beli daripada pak tani kerana kalau lewat lebih daripada sehari barang itu sudah layu dan siapa pun tidak mahu beli. Begitu juga macam ikan dan sebagainya. Dengan sebab itu saya tidak mahu menitikberatkan. Kita kena kaji dua segi. Kalau benda itu tahan lama tetapkanlah harga. Kalau tidak tetap ada pengguna pun tidak elok tetapi janganlah kita zalim benda yang tidak tahan lama seperti ikan misalnya ataupun sayur-sayuran kita hendak tetap harga tidak boleh, kita tetap harga mesti tetap harga, itu kita tidak adil di segi perniagaan kerana di segi sayur-sayuran benda yang tidak tahan lama cara perniagaannya lain daripada benda yang tahan lama atau sebagainya. Maka dengan sebab itu, saya berharap sangat-sangat benda yang tahan lama yang boleh dipakai lama, baik cara makan ataupun pakaian mestilah ditetapkan juga. Kalau tidak, adakan empat kali pengguna pun taukeh yang untung.

Tuan Pengerusi, saya juga bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh kawan saya dari Panti tadi berkenaan hak tadi. Butiran 5100 . . .

Tuan Pengerusi: Cermin mata Yang Berhormat mana? Payah nampaknya hendak membaca.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Pengerusi, saya terlupa kepada cermin mata saya.

Tuan Pengerusi: Baiklah, teruskan.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Pengerusi, saya berasa dukacita kita sebagai manusia, kita akan menjaga hak kita, kita akan menjaga nama kita. Kalau benda yang kita buat baik orang lain dapat nama, macam peri-

bahasa yang saya biasa dengar: Lembu punya susu, sapi dapat nama Yang teruknya lembu dan kerbau. Dikata minyak sapi dan sebagainya, kadang-kadang minyak itu yang sebenarnya diambil daripada susu lembu, dijadikan minyak sapi. Jadi sapi dapat nama, lembu ataupun kerbau yang teruk.

Tuan Pengerusi: Itu bukan pantun.

Tuan Shaari bin Jusoh: Bukan pantun, Tuan Pengerusi. Tidak tahulah tetapi itu selalu dikatakan. Maksudnya kita yang bekerja bersungguh-sungguh tiba-tiba orang lain dapat nama. Ini kita tidak mahu.

Saya selalu mendengar hal negeri kita— kita bukanlah rasa dengki, tetapi sebagai manusia kita juga ada perasaan, kalau kita yang membuat baik orang lain yang mendapat nama, manusia manapun tidak suka. Ini yang kita hendak jaga moral dan maruah. Kita tidak mahu disentuh dan kita tidak mahu orang curi nama kita. Jadi macam mana kata kawan saya dari Panti tadi, saya selalu mendengar negara-negara khasnya negara-negara yang kita tahu tidak ada mengeluarkan bahan-bahan pertanian dan bahan-bahan utama seperti getah dan sebagainya, tetapi yang kita tahu hari ini mereka lebih kuat daripada kita berniaga.

Kalau mereka berniaga menjadi perantaraan kita tidak sedih, kalau mereka kata kami ambil getah daripada Malaysia, kita tahulah mereka menjadi perantaraan, kadang-kadang orang perantaraan ini lebih untung lagi kerana diambil barang ini dijual balik, tetapi yang kita sedih hari ini, macam mana kata kawan saya dari Panti tadi dia mengaku seolah-olah dialah yang menanam segala bahan-bahan utama kita. Ini telah berlaku dan saya dengar betul-betul. Jadi, saya berharap sangat kalau boleh, kita bukan hendak mencaci negeri yang lain, tetapi patutlah kita mencari salah satu saluran, sebagaimana yang dikatakan oleh saudara saya dari Panti tadi, baikpun melalui Atase Perdagangan kita yang ada di luar negeri, kita hendaklah beritahu betul-betul yang kami keluarkan betul-betul di Malaysia, ini bahan-bahannya dan negara-negara yang berjiran dengan kami kita katakan dengan terus terang, mereka ini mengambil barang daripada kami, janganlah mereka itu sudahlah mendapat untung seolah-olah mereka pula yang menanam. Jadi pedagang pun merekalah yang pandai dan bijak, pertanian pun ada pada tangan mereka. Kita tidak rela perkara seperti ini.

Oleh sebab kitalah negeri yang betul-betul mengeluarkan segala bahan utama yang banyak terutama ke negara-negara yang berjiran dengan kita mengambil daripada kita buat berniaga. Jadi kita berharaplah mereka ambil daripada segi perniagaan, janganlah nama pula mereka juga yang dapat.

Saya harap apa yang saya syorkan ini kerana ini selalu saya dengar macam saya kata pengguna tadi, ini adalah kenyataan yang selalu, saya tahu saya bukan sekadar bercakap dalam Dewan yang mulia ini di segi pengguna ini, tetapi saya sendiri selalu terkena. Ditutuh \$8, kemudian ditawarkan sampai kepada \$4 pun boleh dibeli. Buatlah satu undang-undang, adakanlah satu undang-undang, undang-undang kita ini setakat menyuruh meletak harga; letak harga tidak jadi, mesti ada undang-undang suruh letak setakat harga yang betul-betul berpatutan, jangan

setakat disuruh meletak harga, diletak lagi mahal apa kita hendak kata kepada dia. Jadi letaklah harga yang berpatutan barulah betul-betul Persatuan Pengguna itu akan memberi faedah kepada semua pengguna-pengguna.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat hendak sambung lagi?

Tuan Shaari bin Jusoh: Tidak mengapalah, saya ucapkan terima kasih.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Tuan Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan hingga jam 2.30 petang, hari Isnin, 10hb Disember, 1979.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.